



# LAPORAN TAHUNAN **2017**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia

# KANDUNGAN



# SIDANG PENGARANG

## PENGERUSI

YB. Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib

## KETUA PENGARAH

YBhg. Dato' Fauzi Ayob

## TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN

YBhg. Dato' Azmir Saifuddin Mutalib

## TIMBALAN KETUA PENGARAH PRODUKSI DAN TEKNIKAL

Tuan Haji Mohd Zulkifli Ab. Wahab

## KETUA EDITOR

Ahmad Syazli Muhd Khiar

## PASUKAN EDITORIAL

Abd Halim Anen  
Radzuan Asan @ Hassan  
Drusella Brigit Anak Rijeng  
Mohd Saiful Mohd Omar  
Husnul Hilmi Mohamad  
Muhammad Ainuddin Kamaludin



## PERUTUSAN PENGERUSI FINAS

*Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.*

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 1981. Sejak kewujudannya FINAS telah banyak membantu industri perfilaman tanah air dalam menempuh liku dan cabaran dalam dunia perfilaman sehingga kini. Pelbagai program dan aktiviti telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak 36 tahun lalu yang telah memberikan manfaat kepada ribuan penggiat industri perfilaman tempatan.

Kini, FINAS meneruskan peranannya sebagai sebuah Perbadanan yang membantu dan memajukan industri perfilaman tempatan sejajar dengan aspirasi di dalam Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244) Pindaan 2013.

Akhir kata, saya bagi pihak Ahli-Ahli Perbadanan merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah banyak memberikan sokongan dan idea dalam perkembangan industri perfilaman tempatan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Jabatan, Agensi dan badan bukan kerajaan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kemajuan industri perfilaman tempatan dengan menjayakan program dan aktiviti perfilaman FINAS pada tahun 2017.

**YB. DATO' MOHD KHUSAIRI ABDUL TALIB**  
Pengerusi FINAS

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH FINAS

*Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera.*

FINAS terus mengorak langkah untuk memajukan perusahaan perfilaman atau kandungan kreatif tempatan. Selaras dengan pelan transformasi industri filem, FINAS terus berganding bahu bersama pemain-pemain industri kreatif tempatan bagi menjadikan industri kreatif sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada ekonomi Negara.

Bagi tahun 2017, FINAS telah menggariskan 8 misi yang telah ditetapkan sejajar dengan pelan strategik yang telah dirangka iaitu:-

- 1) Meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan yang cekap dan berkesan,
- 2) Meningkatkan profesionalisme dalam kalangan penggiat industri,
- 3) Meningkatkan sokongan, penontonan dan semangat mencintai filem tempatan,
- 4) Mendokumentasi, memelihara dan memulihiara kandungan audio visual,
- 5) Menerbitkan kandungan audio visual berkualiti tinggi sebagai wadah aspirasi dan komunikasi kerajaan,
- 6) Mempromosi dan meningkatkan eskport kandungan tempatan ke peringkat global dengan jaringan kerjasama strategik dan perhubungan antarabangsa,
- 7) Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran dan penerbitan di peringkat domestik dan antarabangsa dan;
- 8) Mengawal aktiviti-aktiviti perfilaman melalui Pelesenan dan Penguatkuasaan.

FINAS akan sentiasa menjana transformasi industri kandungan kreatif tempatan agar bergerak seiring dengan misi dan aspirasi Kerajaan dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi mewujudkan suatu ekosistem yang kondusif dalam industri kandungan kreatif tempatan.

**YBHG. DATO' FAUZI AYOB**  
Ketua Pengarah FINAS







# INFORMASI KORPORAT

## LATAR BELAKANG FINAS


<b>9 JULAI 1974</b>	<p>Mesyuarat Jemaah Menteri di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak yang diadakan memandang berat tentang masalah perusahaan perfileman di Malaysia di dalam konteks jenis filem-filem yang ditayangkan di panggung-panggung di Malaysia dengan keadaan serta struktur perusahaan filem. Justeru, satu Jawatankuasa Bertugas Mengenai Industri Perfileman (<i>Task Force on Film Industry</i>) ditubuhkan oleh Bahagian Perancangan Am di bawah Jabatan Perdana Menteri bagi mengkaji perusahaan perfileman di Malaysia secara keseluruhan dan memberi cadangan dan langkah penyelesaian.</p> <p>Laporan pasukan petugas telah mengkaji tiga aspek utama perusahaan filem tempatan iaitu penayangan, pengedaran dan pengeluaran dengan cabaran-cabaran utama iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Monopoli oleh syarikat pengusahaan asing iaitu Shaw Brothers dan Cathay Organisation bagi pengawalan tayangan, pawagam serta pengedaran filem asing di Malaysia.</li> <li>b. Pengeluar filem tempatan tidak mempunyai peluang akibat monopoli dan sistem perusahaan yang memberi keuntungan kepada pihak asing.</li> <li>c. Lambakan filem asing dan import yang mengengahkan budaya asing menjelaskan usaha kerajaan di dalam menjana perpaduan nasional.</li> <li>d. Tiada perlindungan kepada pengusaha filem dan pengedar tempatan seperti yang dibuat negara jiran iaitu Indonesia, Thailand dan Filipina.</li> </ul>
<b>23 APRIL 1975</b>	<p>Mesyuarat Jemaah Menteri pada secara prinsipnya bersetuju dengan maklumbalas hasil kajian Jawatankuasa Petugas tersebut di mana salah satu hasil cadangannya ialah penubuhan Perbadanan Filem Nasional Malaysia yang bertujuan memastikan industri perfileman berkembang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dan nilai moraliti dan kebudayaan Malaysia selain fungsi-fungsi seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Memastikan filem-filem untuk tayangan umum sesuai dengan keperibadian dan nilai-nilai kebangsaan.</li> <li>b. Mengadakan undang-undang untuk kebaikan industri filem.</li> <li>c. Menyediakan kemudahan untuk mengembangkan industri perfileman dalam peringkat kebangsaan dan antarabangsa.</li> <li>d. Mengemukakan syor-syor kepada Menteri tentang cara-cara meninggikan dan membesarakan industri perfileman.</li> <li>e. Memastikan cara dan sistem pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem yang sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.</li> <li>f. Menyelaras aktiviti-aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem.</li> <li>g. Lain-lain fungsi yang perlu dan mustahak untuk kebaikan industri filem.</li> </ul> <p>Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh sama juga mengarahkan kedudukan dan fungsi Filem Negara Malaysia di bawah Kementerian Penerangan dikaji dan diputuskan sebelum Rang Undang-Undang Perbadanan Filem Nasional Malaysia diluluskan di parlimen. Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Menteri YB Datuk Haji Hamzah bin Haji Abu Samah telah menjadi penyelaras bagi mengambil langkah menyelaras edaran deraf Rang Undang-Undang bagi maksud penubuhan Perbadanan tersebut dan berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan cadangan atau ulasan mereka.</p>
<b>21 OKTOBER 1976</b>	<p>Draf Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1976 (National Film Development Corporation of Malaysia Act 1976) telah dikemukakan oleh Peguam Negara kepada Bahagian Perindustrian, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ia adalah berasaskan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia 1972.</p>
<b>1 APRIL 1977</b>	<p>Perbincangan di antara YB Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Hj Hamzah Abu Samah dan YB Menteri Penerangan, Datuk Amar Taib Mahmud berkaitan perkara penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, kedudukan Filem Negara dan bentuk Rang Undang-Undang Perbadanan Kemajuan Filem Negara Malaysia 1977 yang dirangka Jabatan Peguam Negara (mengambil kira penggabungan fungsi Filem Negara ke dalam Perbadanan). Ia memberi input cadangan kepada kerajaan samada sesuai atau tidak penyerapan Filem Negara ke dalam Perbadanan yang akan ditubuhkan berdasarkan perbezaan fungsi dan peranan.</p>

<b>22 FEBRUARI 1978</b>	Mesyuarat Jemaah Menteri telah menimbangkan Kertas Bil.82/1124/78 berkenaan penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan memberi maklumbalas agar kajian lebih mendalam dibuat khususnya yang di monopoli oleh syarikat Cathay dan Shaw Brothers di dalam soal penyebaran dan pemilikan wayang gambar. Kertas ini ditarik balik dan dikaji semula untuk pertimbangan Jemaah Menteri di masa akan datang.
<b>9 DISEMBER 1978</b>	YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan Dialog bersama pihak pengeluar dan pengedaran bumiputera bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan maklumbalas tentang langkah-langkah kerajaan di dalam membantu pengusaha filem tempatan. Perkara berkaitan fungsi Perbadanan yang akan ditubuhkan turut dibincangkan bagi meminda dan memperbaiki Akta Perbadanan sebelum ianya dilaksanakan.
<b>4 JUN 1979</b>	YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengadakan Dialog bersama pihak Cathay and Shaw Brothers bagi membincangkan isu monopoli syarikat asing di dalam aktiviti pengeluaran, pengedaran dan penayangan serta menyatakan hasrat kerajaan di dalam memperkasakan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di dalam aktiviti perfileman dan seterusnya menjana ekonomi baru tanpa di monopoli oleh satu-satu syarikat sahaja.
<b>26 JULAI 1980</b>	Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Filem Nasional yang dipengerusikan Yang Arif Hakim Dato' Abdul Hamid Omar bagi merangka perlembagaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia serta diamanahkan menjalankan tugas-tugas awal Perbadanan, merangka dan merancang penubuhan Perbadanan serta merangka Akta 244 untuk kelulusan parlimen.
<b>12 DISEMBER 1980 &amp; 9 JANUARI 1981</b>	Rang Undang-Undang Menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 12 Disember 1980 oleh YB Dato' Lew Sip Hon, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Malaysia dan kemudiannya diluluskan di Dewan Negara pada 9 Januari 1981.
<b>12 &amp; 19 FEBRUARI 1981</b>	Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah mendapat persetujuan Diraja pada 12 Februari 1981 dan diterbitkan di dalam warta pada 19 Februari 1981.
<b>28 MAC 1981</b>	YAB Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah bersetuju dengan pelantikan YBhg Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris sebagai Pengurus Perbadanan dan nama-nama Ahli Lembaga yang dicadangkan beserta En. Ismail Zain, Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan dan Sukan yang telah diberi "secondment" sebagai Ketua Pengarah untuk tempoh dua tahun.
<b>7 APRIL 1981</b>	Surat tawaran Pengurus dan Ahli-Ahli Lembaga melalui persetujuan YAB Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah dikeluarkan secara rasmi.
<b>1 MEI 1981</b>	Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 dikuatkuasakan kesemua peruntukan di dalamnya (kecuali Bahagian V) di seluruh Malaysia dan pemberitahuan ini disiarkan di dalam Warta Kerajaan bagi membolehkan ia berfungsi dan berkuatkuasa.
<b>1 JUN 1981</b>	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah ditubuhkan secara rasminya selaras dengan tarikh rasmi pelantikan Pengurus YBhg. Tan Sri Dato' Abdul Samad Idris, En. Ismail Zain, Timbalan Pengurus merangkap Ketua Pengarah, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan jawatan-jawatan lain yang berkuatkuasa.
<b>18 JUN 1981</b>	Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan pelancaran FINAS pada jam 3.00 petang di Bilik Gerakan Tingkat 4, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian oleh YAB Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

<b>28 JUN 1981</b>	Iklan pengisian jawatan bagi Akauntan, Jurutera Eletrik, Pegawai Tadbir, Pembantu Teknik dan Pegawai Kerja di akhbar.
<b>7-17 SEPTEMBER 1981</b>	Sesi temuduga bagi jawatan pegawai dan kakitangan FINAS. Kelulusan jawatan adalah sebanyak 12 orang dari kumpulan A, 1 orang dari kumpulan B, 13 orang dari kumpulan C dan 11 orang dari kumpulan D.
<b>15 OKTOBER 1981</b>	Kumpulan pertama penjawat FINAS bertugas secara rasmi di premis No.7, Jalan Ampang Hilir di mana FINAS yang bernaung di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.
<b>1 NOVEMBER 1981</b>	FINAS beroperasi dengan pengisian lebih 70% anggota pentadbiran melalui peruntukan mengurus oleh kerajaan sebanyak RM869,200.00 dan sebanyak RM17 juta bagi rancangan pembangunan di bawah RMK Ke-4.
<b>1 SEPTEMBER 1984</b>	Premis FINAS berpindah ke No. 198, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.
<b>15 SEPTEMBER 1984</b>	Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Pindaan 1984 telah diwartakan dan pelaksanaannya pada tahun 1985 bagi membolehkan FINAS melesenkan syarikat-syarikat yang bergiat dalam sektor pengeluaran, pengedaran dan pemameran.
<b>16 OKTOBER 1986</b>	FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan Malaysia.
<b>19 DISEMBWER 1988</b>	FINAS beroperasi secara rasmi di Kompleks Studio Merdeka, Hulu Kelang.
<b>16 JUN 1992</b>	FINAS Wilayah Utara telah dirasmikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang.
<b>27 MAC 2004</b>	FINAS bernaung di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA).
<b>18 MAC 2008</b>	FINAS bernaung di bawah Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW).
<b>9 APRIL 2009</b>	FINAS bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK).
<b>6 APRIL 2012</b>	Memorandum Jemaah Menteri No. M235/2012 telah bersetuju dengan cadangan penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia (FNM) yang diterajui oleh FINAS.
<b>15 MEI 2013 - KINI</b>	Penggabungan FINAS dan Filem Negara Malaysia berkuatkuasa.
<b>1 JANUARI 2013</b>	Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan 2013) diwartakan.
<b>7 FEBRUARI 2013</b>	FINAS bernaung di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).


## 3 AKTIVITI UTAMA PERFILEMAN DI BAWAH AKTA 244

### TAKRIF FILEM




Termasuk aktiviti mengeluar, mengedar dan mempamerkan filem yang dijalankan di Malaysia.

Termasuk filem cerita, filem pendek, filem subjek ringkas, treler, dokumentari, filem kecil iklan dan apa-apa rakaman pada apa-apa jenis bahan, termasuk pita video dan ceper video, berupa arca bergerak sama ada disertai dengan bunyi atau tidak, untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.



### TAKRIF PERUSAHAAN FILEM



#### i. PENGELUARAN FILEM

Termasuk segala aktiviti yang berhubung dengan mengeluar atau memproses filem, atau merekod atau menyalin pita video untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.

#### ii. PENGEDARAN FILEM

Termasuk menyewa dan meminjamkan filem untuk keuntungan atau selainnya, mengimport dan mengedarkan filem yang dikeluarkan di luar negeri dan mengedarkan filem yang dikeluarkan di dalam negeri.

#### iii. PEMAMERAN FILEM

Tayangan filem untuk dilihat oleh orang ramai atau mana-mana golongan orang ramai.

## TUGAS PERBADANAN DIBAWAH SEKSYEN 6(1) AKTA 244

- a. Membuat syor kepada Menteri tentang dasar, cara dan langkah yang hendak diambil untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfilman;
- b. Untuk memaju dan mendorong perkembangan dan mengekalkan taraf perusahaan perfilman dengan berbagai cara, termasuk mengadakan perkhidmatan penyelidikan dan nasihat;
- c. Untuk mengawal dan menyelaras aktiviti orang dan badan berkaitan dengan perkara yang berhubungan dengan perusahaan perfilman;
- d. Amnya untuk menggalakkan dan membantu dalam memajukan perusahaan perfilman di dalam dan di luar Malaysia;
- e. Untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pengedaran dan pameran filem dalam Malaysia dan berhubung dengannya membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen;
- f. Untuk mengurus dan mengawasi penyenggaraan dan pengendalian tempat dan peralatan kepunyaan Perbadanan bagi maksud subseksyen (2)(c);
- g. Menyebar maklumat mengenai dasar, program dan pencapaian Kerajaan melalui pengeluaran filem; dan
- h. Merakam liputan peristiwa bagi maksud arkip.

- KUASA-KUASA  
PERBADANAN  
(AKTA 244)  
PERBADANAN  
KEMAJUAN FILEM  
NASIONAL MALAYSIA  
1981 (PINDAAN 2013)  
SEKSYEN 6 (2)**
- a. Untuk bekerjasama dengan agensi kerajaan, atau pertubuhan perbadanan atau orang perseorangan dalam menjalankan tinjauan dan kajian berkenaan dengan perusahaan profileman dan dalam menjalankan kajian kemungkinan bagi memajukan perusahaan profileman tempatan.
  - b. Untuk mengadakan kemudahan latihan dan untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek dan program latihan berhubung dengan perusahaan profileman.
  - c. Untuk mengadakan atau membantu dalam pengeluaran perkhidmatan, kemudahan dan peralatan profileman untuk pengeluar, pengedar dan pempamer filem dan pemunya dewan wayang gambar.
  - d. Untuk menerima, sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberi olehnya,
  - e. Untuk memberi bantuan kewangan melalui pinjaman, kemudahan kredit, geran, pelaburan atau apa-apa bentuk bantuan kewangan lain dan mengambil bahagian dalam pengeluaran filem.
  - f. Untuk menetap dan melewi fi atau bayaran lain berhubung dengan pelaksanaan tugasnya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.
  - g. Untuk mengambil bahagian dalam pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan perusahaan profileman dan untuk mengadakan, menganjur dan mengambil bahagian dalam pesta, pameran dan seminar filem atau apa-apa aktiviti yang seumpamanya di dalam dan di luar Malaysia.
  - h. Untuk menuubar institusi, pusat-pusat kecil dan bengkel untuk menjalankan penyelidikan dan aktiviti lain yang perlu bagi atau yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan profileman.
  - i. Untuk menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai berbagai aspek perusahaan profileman.
  - j. Untuk mengadakan dorongan bagi perusahaan profileman;
  - k. Mengeluarkan rakaman liputan peristiwa bagi maksud arkib atau mengeluarkan apa-apa filem atau rakaman yang Kerajaan fikirkan perlu bagi maksud pendidikan, penerangan, seni, budaya dan perkara lain yang disyorkan oleh Perbadanan; dan
  - l. Untuk melakukan apa-apa perkara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

## OBJEKTIF, MISI DAN VISI



## PENCAPAIAN FINAS TAHUN 2017 BERDASARKAN PELAN STRATEGIK (PEJABAT KETUA PENGARAH)

OBJEKTIF	Menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan industri perfileman.
VISI	Peneraju Utama Industri Profileman Negara ke Persada Dunia.
MISI	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Meningkatkan Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Cekap dan Berkesan.</li> <li>2) Meningkatkan Profesionalisme dalam Kalangan Penggiat Industri.</li> <li>3) Meningkatkan Sokongan, Penontonan dan Semangat Mencintai Filem Tempatan.</li> <li>4) Mendokumentasi, Memelihara dan Memulihiara Kandungan Audio Visual.</li> <li>5) Menerbitkan kandungan audio visual berkualiti tinggi sebagai wadah aspirasi dan komunikasi kerajaan.</li> <li>6) Mempromosi dan meningkatkan eksport kandungan tempatan ke peringkat global dengan jaringan kerjasama strategik dan perhubungan antarabangsa.</li> <li>7) Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran dan penerbitan di peringkat domestik dan antarabangsa.</li> <li>8) Mengawal aktiviti-aktiviti profileman melalui pelesenan dan penguatkuasaan.</li> </ul>
ASPIRASI	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) <b>Competitive</b> - Meneroka aspek-aspek baharu seperti transformasi, inovasi, pengkomersialan, infrastruktur dan “business essence” melalui fungsi dan perkhidmatan di dalam ekosistem yang semakin mencabar.</li> <li>2) <b>Communicative</b> - Mempertingkatkan komunikasi strategik dua hala bersama rakyat dan pelanggan di dalam memberikan perkhidmatan “one touch” yang holistik.</li> <li>3) <b>Cooperative</b> - Memperkasakan jaringan perhubungan kerjasama domestik dan antarabangsa dengan entiti kerajaan NGO, badan antarabangsa untuk pembangunan industri secara kolektif dan dinamik.</li> </ul>
STAKEHOLDERS FINAS	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan agensi.</li> <li>2) Penglibat industri kreatif secara langsung (penerbit, pengarah, karyawan, pemamer).</li> <li>3) Persatuan-persatuan profileman dan kreatif.</li> <li>4) Agensi-agensi kerajaan dan swasta.</li> <li>5) Komuniti 1Malaysia (rakyat, pelajar, komuniti luar bandar dan luar negara).</li> <li>5) Badan antarabangsa (kedutaan, badan kerajaan luar negara, penyiar, pengedar, institusi filem).</li> </ul>
FOKUS STRATEGIK KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	<p>Teras 1 : Menghubung Rakyat      Teras 2 : Menggerak Ekonomi Digital      Teras 3 : Membina Masyarakat Bermaklumat      Teras 4 : Memperkasa Industri Kreatif</p>
TOUCH POINTS KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Win The Hearts of Rakyat.</i></li> <li>2) <i>Tackle Cost of Living.</i></li> <li>3) <i>Serve All The Rakyat.</i></li> <li>4) <i>TN50 and Malaysia Top 20 Nation.</i></li> <li>5) <i>Technology Focus.</i></li> <li>6) <i>Event Must Be Themed, Planned and Executed.</i></li> <li>7) <i>Moderate Islam.</i></li> <li>8) <i>Eliminate Foreign Interference.</i></li> </ul>
FOKUS STRATEGIK BLUEPRINT KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) <b>Connect</b> : Build pervasive, rich and accessible connectivity for individuals and communities.</li> <li>2) <b>Trust</b> : Strengthen trust advantage in a convenient, data-enriched and secured cyber-space.</li> <li>3) <b>Engage</b> : Catalyze the renewal of government engagement through citizen-centric communication.</li> <li>4) <b>Innovate</b> : Lead value extraction from current and future waves of innovation in the information economy.</li> <li>5) <b>Inspire</b> : Revitalize creativity to share authentic and inspirational content with Malaysians and beyond.</li> <li>6) <b>Empower</b> : Cultivate native digital talent empowered to draw on and shape the information society.</li> </ul>
DASAR/PELAN RUJUKAN	<ul style="list-style-type: none"> <li>1) Dasar Profileman Negara.</li> <li>2) Dasar Industri Kreatif Negara.</li> <li>3) Pelan Transformasi Kerajaan (GTP).</li> <li>4) Pelan Transformasi Ekonomi (ETP).</li> <li>5) TN50.</li> </ul>

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>MISI 1:</b> Meningkatkan Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Cekap dan Berkesan	1. Memperkasakan FINAS dengan pemantapan dasar dan peraturan	Kajian, semakan dan pindaan peraturan di bawah Akta 244	Pelesenan & Penguatkuasaan/ Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	Fasa kemaskini bersama pihak peguam dan PUU
		Dasar Perfileman Negara 2005	Dasar & Penyelidikan	Cadangan	Penyelidikan dan Analisa impak pencapaian DFN 2005
		National Communications and Multimedia Blueprint 2018-2025	Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	Pembentangan semula kepada KSU untuk perkara melibatkan tanggungjawab FINAS
	2. Memantapkan operasi pentadbiran FINAS dengan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan	My FINAS Financial Information System (MyFis)	Kewangan	Pelaksanaan	Fasa data migration dengan 100% pelaksanaan operasi
		Sistem Integrasi E-Industri	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Kelulusan EPU di bawah RP3/RMK11 sebanyak RM3.5 juta
		Penggantian & Pembaikkan Sistem Elektrikal Pejabat FINAS Petaling Jaya	Kejuteraan	Pelaksanaan	Kelulusan khas EPU di bawah RP2/RMK11 sebanyak RM1.125 juta
		Pembangunan Studio Digital Mix Stage	Kejuteraan	Cadangan	Permohonan kelulusan peruntukan di bawah RP3/RMK11
		Facility For Industry Transcendent (FIT)	Teknologi Audio Visual	Pelaksanaan	Kelulusan peruntukan RM5 juta di bawah RP3/RMK11
	3. Merealisasikan Pelan Pembangunan Perjawatan/Profession /Succession Plan bagi penjawat FINAS	Penstrukturkan perjawatan mengikut waran JPA	Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan	Fasa penstrukturkan semula bagi 418 perjawatan mengikut waran pelbagai gred selesai
		Pembangunan Kerjaya/Succession Plan (Kenaikan Pangkat)	Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan	100% pencapaian dengan 22 jumlah kenaikan pangkat pelbagai gred
		Pengisian perjawatan mengikut waran Jabatan Perkhidmatan Awam	Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan	90% pengisian perjawatan mengikut kelulusan JPA
		Pembangunan Akademik Penjawat (Search Committee)	Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan	Penyaluran bantuan RM60,000 kepada 6 orang pegawai pelbagai gred
		Penjenamaan Fungsi Strategik dan Perjawatan FINAS	Khidmat Pengurusan	Pelaksanaan	Fasa permurnian organisasi bersama Sumber Manusia KKMM

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>MISI 1:</b> Meningkatkan Perkhidmatan dan Kemudahan Yang Cekap dan Berkesan	4. Memperkasakan saluran komunikasi dua hala strategik FINAS	#Jengah Lokasi	Pelesenan & Penguatkuasaan/ Galakan Penggambaran, Komunikasi Korporat	Pelaksanaan	2 projek KL Wangar Polis Evo
		@FINASMalaysia	Komunikasi Korporat	Pelaksanaan	15 ribu pengunjung dengan 80% penglibat industri yang aktif. Jumlah 1.5 juta tontonan selain “sharing” oleh media sosial melebihi 3 juta di Facebook, Twitter dan Instagram.
		Program Jaringan Industri (Lawatan)	Komunikasi Korporat	Pelaksanaan	30 program jaringan ilmu dan industri bersama pihak komuniti/persatuan/badan kerajaan/NGO/industri melalui platform lawatan ke FINAS
		Program Sinergi Industri Persatuan Bersama KP	Komunikasi Korporat	Pelaksanaan	30 pertemuan rasmi bersama persatuan-persatuan perfileman
	5. Membangunkan hub kandungan kreatif	Kinabalu Digital Creative Content Centre (KDCC)	Kejuruteraan	Penangguhan	Peruntukan RM10 juta di bawah PFI II A
		Hub Insentif Produksi Sarawak, Sabah & Borneo (HIPS)	FINAS Cawangan Sarawak	Pelaksanaan	Peruntukan RM10 juta di bawah RMK11
	6. Memperkasakan “cultural/creative economy” untuk ekonomi industri kreatif	Pembangunan harta intelek kandungan	Pengurusan Produk	Pelaksanaan	Empat syarikat produksi di bawah Dana Kenegaraan dan Animasi menerima IP daripada FINAS
		Pelaburan Program Industri Kreatif	Komunikasi Korporat/ Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Pelaburan sebanyak RM3 juta bagi penganjuran
	7. Menjana keberhasilan ekonomi organisasi	Pindaan kadar fee permohonan baru dan pembaharuan lesen	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Fasa semakan oleh pihak peguam dan PUU
		Pindaan kadar Bayaran Filem Import, Surat Akuan Filem Iklan Buatan Malaysia dan Sijil Perakuan Penggambaran	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Fasa semakan oleh pihak peguam dan PUU
		Semakan kadar sewaan fasiliti dan kemudahan	Pembangunan Industri	Cadangan	Fasa retreat kadar sewaan
		Pemasaran produk FINAS	Pembangunan Industri/Kreatif Teknikal/ Pemasaran	Pelaksanaan	Fasa semakan harga jualan buku, dokumentari, arkib terbitan FINAS

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/ UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
MISI 2: Meningkatkan Profesionalisme dalam Kalangan Penggiat Industri	8. Membangunkan modal insan secara holistik dan total	Perkongsian Idea ( <i>Idea Exchange</i> )	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Penyertaan seramai 3364 orang di dalam program pembangunan modal insan FINAS Fasa data migration dengan 100% pelaksanaan operasi
		Pembangunan Kemahiran ( <i>Upskilling</i> )	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	
		Pemacuan ( <i>Accelerator</i> )	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	
		Kesedaran Industri Kreatif ( <i>Mindshift</i> )	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	
	9. Memperkasakan kecemerlangan ilmu data industri	Projek Pembangunan Data Industri	Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	60% proses pengumpulan data industri filem
		CineBook ( <i>E-Industry</i> )	Pemasaran	Cadangan Baru	Permohonan kelulusan EPU/ RP3 di bawah RMK11
		Integrated Library System (ILS)	Kejuruteraan	Cadangan	Permohonan kelulusan EPU/ RP3 di bawah RMK11
		Data Pengeluaran Filem ( <i>Sijil Perakuan Penggambaran</i> )	Peleseran & Penguatkuasaan/ Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	Pengumpulan dan analisa data produksi tempatan
	10. Meningkatkan tenaga mahir tempatan melalui projek asing ( <i>transfer of knowledge</i> )	Pra-syarat penggunaan pemenang anugerah di FFM sebagai tenaga mahir untuk kelulusan <i>Film in Malaysia Incentive</i>	Galakan Penggambaran	Pra-Pelaksanaan	Kelulusan Jawatankuasa FIMI bagi projek-projek antarabangsa
		Syarat wajib 30% penggunaan krew tempatan bagi projek FIMI	Galakan Penggambaran	Pelaksanaan	1300 krew tempatan untuk projek FIMI
	11. Memperkasakan pembangunan kemahiran bumiputera	Syarat wajib 50% krew bumiputera di dalam jumlah krew tempatan sebagai syarat <i>Film In Malaysia Incentive</i>	Galakan Penggambaran	Pelaksanaan	650 krew bumiputera bagi projek FIMI
		Program Pembangunan Kemahiran Bumiputera	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Jumlah 2119 orang bumiputera telah dilatih melalui program latihan & kemahiran modal insan
	12. Merangsang/ inkubasi karyawan muda	Program Pembangunan Modal Insan-Generasi Muda (Gen Y)	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	1000 orang peserta mewakili Gen Y (18-35 tahun) telah diberi fokus untuk program pembangunan modal insan industri
		Apprenticeship	Kreatif & Teknikal	Pelaksanaan	MOU bersama UiTM bagi latihan intensif industri
	13. Merangsang kualiti modal insan dan kecemerlangan industri	Festival Filem Malaysia 29	Unit Komunikasi Korporat	Selesai	Penontonan 3.5 juta di saluran media No 2 trending di Twitter
		Anugerah Kewartawanan Industri Filem Malaysia (AKIFMA) 2017	Unit Komunikasi Korporat	Selesai	Capaian promosi dan hebahan sebanyak 300 liputan merangkumi media dan penontonan live sebanyak 300,000 di media sosial
		Grand Prix De Cinema	Unit Komunikasi Korporat	Selesai	Permohonan peruntukan di bawah EPU/RP3 RMK11
	14. Membangunkan karyawan semi-pro	Talent Lab	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Seramai 88 orang karyawan industri bertaraf semi pro di dalam bidang perfilman dibentuk secara intensif melalui program modal insan bersama mentor luar negara
		Creative Content Skills (CCS)	Pembangunan Industri	Cadangan	Permohonan peruntukan di bawah RP3/RMK11

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/ UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>MISI 2:</b> Meningkatkan Profesionalisme dalam Kalangan Penggiat Industri	15. Meningkatkan jaringan pembangunan akademik dan pentauliahan	Promosi Pensijilan Kemahiran Malaysia-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Kepada Penggiat Industri	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	250 orang penggiat diberi pengiktirafan melalui konsep pensijilan
		I.L.B ( <i>Industry Lead Body</i> )	Pelaksanaan	Pelaksanaan	1 NOSS program cinematographer level 4 dan 5 untuk industri kreatif dengan kos RM140,000.00
	16. Meningkatkan profesionalisme ahli persatuan /karyawan industri	Program Sinergi Industri Bersama Persatuan	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Sejumlah 12 persatuan industri melalui penganjuran 40 program telah dibantu FINAS melalui peruntukan RM1.5 juta
		Masterclass Industri	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	10 program penganjuran Masterclass dengan karyawan antarabangsa dengan penyertaan 200 penggiat industri
	17. Memperkasakan program jaringan industri bertaraf antarabangsa	<i>Crossing Borders</i>	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	<i>Documentary Campus</i> dan <i>European Documentary Network</i> dengan MyDOC sebagai pengendali dengan kos RM400,000.00 dengan sasaran jaringan kerjasama antarabangsa bagi penerbitan dokumentari
		Dana Industri Kandungan Digital (DIKD)	Pengurusan Produksi	Pelaksanaan	125 permohonan dana diluluskan dengan mewujudkan jaringan sebanyak 4000 peluang pekerjaan
	18. Memperkuuhkan jaringan dan peluang pekerjaan	Jawatankuasa Bertindak Membanteras Cetak Rompak Digital	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Dua mesyuarat bersama rakan strategik
<b>MISI 3:</b> Meningkatkan Sokongan, Penontonan dan Semangat Mencintai Filem Tempatan	19. Mewujudkan platform resolusi isu industri	Pemeriksaan peraturan Skim Wajib Tayang	Pembangunan Industri	Pra-Pelaksanaan	Fasa semakan akhir Jabatan Peguam Negara
	20. Memperkasa sistem pemameran filem	<i>Cinema Analytical &amp; Real Time System</i>	Pembangunan Industri	Cadangan	Pembentangan kertas cadangan kepada Ahli Perbadanan
		Insetif Tayangan Filem Cerea (ITFC)	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Pembayaran RM1.95 juta sehingga Oktober 2017 di bawah Peruntukan RMK 11
	22. Mewujudkan platform alternatif promosi filem tempatan	Sinema@FINAS Malaysia	Unit Komunikasi Korporat	Pelaksanaan	Perkongsian 53 treler filem, 150 artikel promosi dan 2 juta tontonan di platform @FinasMalaysia
		Program Merakyatkan Filem	Pemasaran	Pelaksanaan	Tayangan 15 buah filem tempatan dengan 2000 penonton di 15 buah lokasi seluruh Malaysia
	23. Menjana semangat mencintai filem di kalangan generasi muda	Kelab Pencinta Filem	Pemasaran	Pelaksanaan	5 program jaringan ilmu dengan penyertaan 300 pelajar
		Pameran Industri	Pemasaran	Pelaksanaan	Penyertaan bersama di 16 program pameran industri dengan sasaran belia seramai 3000 orang
		Program Bengkel Filem Cinta Negaraku: Jom Bikin Filem Pendek	Pemasaran	Pelaksanaan	Penyertaan 100 orang pelajar sekolah rendah untuk penerbitan filem pendek

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/ UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>MISI 3:</b> <b>Meningkatkan Sokongan, Penontonan dan Semangat Mencintai Filem Tempatan</b>	24. Menjana penerbitan kandungan berunsur patriotisme/nasionalisme/kenegaraan	Bantuan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD)	Pengurusan Produksi	Pelaksanaan	54 projek penerbitan kandungan berunsurkan patriotisme dan kenegaraan dengan peruntukan Dana berjumlah RM33.82 juta kepada penerbit
		Surat Iklan Filem Iklan Buatan Malaysia (MIM)	Pelesenan dan Penguatkuasaan	Pelaksanaan	1600 judul filem iklan mendapat pengiktirafan MIM bagi produksi tempatan
	25. Memperkasakan pemahaman filem	Program Apresiasi Filem/Meneroka Makna Filem	Pembangunan Industri	Pelaksanaan	Platform tayangan dan apresiasi untuk 15 buah filem dengan penontonan fokus dengan konsep penerokaan makna filem
<b>MISI 4:</b> <b>Mendokumentasi, Memelihara dan Memulihara Kandungan Audio Visual</b>	26. Membudayakan dasar dan aspirasi	Dasar Khazanah Kandungan FINAS	Makmal	Cadangan	Kertas Kelulusan
	27. Memperkasakan sistem pendigitalan kandungan	Pendigitalan Kandungan ( <i>E-Heritage</i> )	Mediatheque	Pelaksanaan	230 jam pendigitalan kandungan dengan 25 jam 25 minit restorasi
		Analog to Digital (A2D)	Makmal	Pelaksanaan	Pembentangan kertas cadangan kepada Ahli Perbadanan
		Liputan Arkib Berkualiti HD	Makmal	Pelaksanaan	130 jam liputan arkib
	28. Meneroka trend dan inovasi	COPIC ( <i>Colorization of Our Vintage Monochrome Collection</i> )	Makmal	Cadangan	Permohonan peruntukan projek di bawah EPU/RP3 RMK 11-Gagal
	29. Membangunkan komuniti cintai sejarah	Program Sinergi Ilmu	Mediatheque	Pelaksanaan	11,158 orang pengunjung direkodkan melalui program jelajah seluruh Malaysia dan lawatan ke <i>Museum of Moving Images</i>
<b>MISI 5:</b> <b>Menerbitkan kandungan audio visual berkualiti tinggi sebagai wadah aspirasi dan komunikasi kerajaan</b>	30. Menjana pembangunan maklumat dan sejarah	Projek Pembangunan Data Industri	Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	85% pengumpulan data dan pencapaian industri melalui spektrum sejarah sinema Melayu dari tahun 1933-2017
	31. Menerbitkan kandungan audio visual berkualiti	Penerbitan Produksi 2017	Kreatif & Teknikal/ FINAS Cawangan Sarawak	Pelaksanaan	Penerbitan 280 bahan merangkumi 40 promo, 37 dokumentari dan 193 liputan arkib dengan jumlah penontonan sebanyak 300,000 di saluran media
	32. Menterjemahkan agenda nasional dan aspirasi	Penerbitan Kandungan (Dasar & Program Nasional)	Kreatif & Teknikal/ FINAS Cawangan Sarawak	Pelaksanaan	Penerbitan 67 kandungan audio visual mempromosikan dasar kerajaan
	33. Menghubung rakyat	Liputan <i>National Blue Ocean Strategy (NBOS)</i>	Kreatif & Teknikal/ FINAS Cawangan Sarawak	Pelaksanaan	Liputan program-program NBOS kerajaan
	34. Menjana kandungan bertaraf global	Kerjasama penerbitan penyiar antarabangsa	Kreatif & Teknikal	Pelaksanaan	3 kerjasama penerbitan dokumentari dengan penyiar antarabangsa untuk penontonan global
	35. Meningkatkan jaringan pemasaran bersama rakan strategik	Sinergi Pemasaran	Pemasaran	Pelaksanaan	Perbincangan kerjasama pemasaran strategik di luar negara bersama MATRADE, Tourism Malaysia, MDEC, CCAM
		Misi Pemasaran Luar Negara	Pemasaran	Pelaksanaan	Penyertaan FINAS ke 2 buah pasaran filem dengan nilai eksport kandungan RM5.48 juta
	36. Memperkasakan “business presence” di platform global	Dana Pembangunan Penjenamaan Produk Industri Kandungan Kreatif Tempatan	Pemasaran	Pelaksanaan	Peruntukan RM1 juta di bawah RMK11 dengan 11 pemohon dana untuk kelulusan

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/ UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>MISI 5:</b> Menerbitkan kandungan audio visual berkualiti tinggi sebagai wadah aspirasi dan komunikasi kerajaan	37. Memperkuuhkan Kerjasama perhubungan kerajaan (G2G)	<i>Malaysian Documentaries to The World</i>	Kreatif & Teknikal	Pelaksanaan	Kerjasama penerbitan dokumentari FINAS bersama rakan strategik ASEAN, Jepun, Singapura
		<i>Film ASEAN (Content &amp; Production)</i>	Pemasaran	Pelaksanaan	Kerjasama strategik bersama Asean Senior Officials Responsible for Content and Production (SOMRI)
<b>MISI 6:</b> Mempromosi dan meningkatkan eksport kandungan tempatan ke peringkat global dengan jaringan kerjasama strategik dan perhubungan antarabangsa	38. Merancakkan Perhubungan Antarabangsa ( <i>International Positioning</i> )	Penganjuran bersama <i>International Film Week/Festival in Malaysia</i>	Pemasaran	Pelaksanaan	Hub penganjuran 4 festival filem antarabangsa dengan kerjasama badan perfileman antarabangsa/komuniti filem antarabangsa/Kedutaan Asing di Malaysia
		<i>Diplomatic Relations</i>	Unit Komunikasi Korporat/ Pemasaran/ Galakan Penggambaran	Pelaksanaan	Pertemuan FINAS bersama delegasi 10 buah negara untuk kunjungan rasmi dan perkongsian informasi bagi kerjasama bersama
<b>Misi 7:</b> Mempromosikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran dan penerbitan di peringkat domestik dan antarabangsa	39. Meningkatkan jaringan eksport dan ekonomi industri	Dana Pemasaran (DIKD)	Pengurusan Produksi	Pelaksanaan	Dana Pemasaran kepada 14 buah projek dengan 7 filem membusi 40 buah festival filem/pasaran luar negara
		Dana Pembangunan Pemasaran Antarabangsa	Pemasaran	Cadangan	Permohonan peruntukan di bawah RP3/RMK11
<b>Misi 8:</b> Mengawal aktiviti-aktiviti perfileman melalui pelesenan dan penguatkuasaan	40. Mempromosikan filem tempatan ke peringkat global	<i>International Trade Engagement</i>	Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	Sejumlah RM 75 juta nilai eksport melalui <i>trade engagement</i> 8 buah syarikat
		Filem Malaysia@ Global	Pemasaran	Pelaksanaan	Penghantaran 6 filem Malaysia ke festival dunia
	41. Mempromosikan Malaysia sebagai hab penggambaran dan penerbitan kandungan	Jaringan Data Pencapaian Filem Malaysia @ Global	Dasar dan Penyelidikan	Pelaksanaan	Pengumpulan data 39 buah filem meneroka 150 buah festival filem antarabangsa dengan 18 kemenangan
		30 % Film in Malaysia Incentive (FIMI)	Galakan Penggambaran	Pelaksanaan	Kelulusan 8 projek asing dengan QMPE RM141,827,132.16 dengan komitmen rebat sebanyak RM42,515,611.34
	42. Meneroka insentif ekonomi daya saing	Sinergi Promosi	Galakan Penggambaran	Pelaksanaan	Kerjasama dua hala bersama Tourism Malaysia bagi promosi FIMI di luar negara
		Insentif promosi baru	Galakan Penggambaran	Cadangan	Kajian insentif menggantikan rebat tunai
	43. Membangunkan jaringan penerbitan dan pelancongan	Cinematic Tourism	Galakan Penggambaran	Pra-Pelaksanaan	Retreat pemerkasaan insentif
		Cultural Test	Galakan Penggambaran	Cadangan	Retreat pemerkasaan insentif
	44. Menguatkuasa akta dan perundangan	Kajian, semakan dan pindaan peraturan di bawah Akta 244	Pelesenan & Penguatkuasaan/ Dasar & Penyelidikan	Pelaksanaan	Fasa kemaskini bersama pihak peguam dan PUU
		Program Padu Citra	Pelesenan dan Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Syarat wajib menjadi ahli persatuan bagi aktiviti pengeluaran filem (SPP) melalui FDAM, Seniman, PROFIMA dan Karyawan
		Penyiasatan & Pendakwaan di bawah Akta 244	Pelesenan dan Penguatkuasaan	Pelaksanaan	63 kes dikompaun dan 2 kes didakwa di mahkamah seluruh negara

MISI FINAS	OBJEKTIF	PELAN/ PROJEK/ AKTIVITI/ PROGRAM YANG DIJALANKAN	TINDAKAN BAHAGIAN/UNIT	FASA STATUS	MAKLUMAT TERKINI (2017)
<b>Misi 8:</b> Mengawal aktiviti-aktiviti profileman melalui pelesenan dan penguatkuasaan	45. Pemerkasaan operasi bersepadu	Pemeriksaan lesen	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	Pemeriksaan 2,882 lesen bagi aktiviti pengeluaran, pengedaran dan pemameran filem
		Pemantauan premis/tempat awam/	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	121 tindakan kes direkod sepanjang tahun
	46. Penyeliaan penglibatan tenaga kreatif asing	Pemberian surat sokongan pekerja filem asing (PFA)	Pelesenan & Penguatkuasaan	Pelaksanaan	509 surat sokongan dikeluarkan untuk tenaga kreatif asing

**PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI 2017)**  
**PEJABAT KETUA PENGARAH PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS)**


BIL	KPI	SASARAN 2017	PENCAPAIAN 2017
1.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pemasaran)</b> Meningkatkan jaringan pemasaran dan eksport kandungan kreatif tempatan ke peringkat antarabangsa.	RM70 Juta nilai eksport	RM82.54 Juta nilai eksport
2.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pelaburan)</b> Meningkatkan jumlah pelaburan penerbitan produksi filem antarabangsa dan domestik di dalam negara melalui Insentif Galakan Penggambaran (FIMI).	RM100 Juta QMPE	RM141.8 Juta QMPE
3.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pentadbiran Organisasii)</b> Membangunkan organisasi melalui penstrukturran dan pengisian kekosongan perjawatan mengikut waran.	Sepanjang Tahun	100%
4.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pelesenan)</b> Meningkatkan pengeluaran lesen baru melalui operasi penerbitan, pengedaran dan pemameran filem.	700 Pengeluaran Lesen Baharu	968 Pengeluaran Lesen Baharu
5.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pembangunan Modal Insan)</b> Memperkasakan profesionalisme karyawan industri melalui program kemahiran dan latihan.	30 Program bersama persatuan profileman tempatan	40 Program bersama persatuan profileman tempatan
6.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pembangunan Modal Insan)</b> Memperkasakan kemahiran karyawan bumiputera melalui program pembangunan modal insan.	2000 Orang Karyawan Bumiputera	2200 Orang Karyawan Bumiputera
7.	<b>Memperkasa Industri Kreatif (Pembangunan Modal Insan)</b> Memperkasakan pembangunan karyawan muda melalui program kemahiran dan latihan intensif.	800 Orang Karyawan Muda	1000 Orang Karyawan Muda
8.	<b>Membina Masyarakat Bermaklumat (Penerbitan Kandungan Audio Visual)</b> Meningkatkan penerbitan kandungan audio visual beraspirasikan agenda nasional dan kerajaan.	250 Penerbitan kandungan Audio Visual	280 Penerbitan kandungan Audio Visual
9.	<b>Membina Masyarakat Bermaklumat (Pembangunan Data Industri)</b> Mengumpul, menganalisa dan merekod pencapaian filem Malaysia dari tahun 1950 - 2017 sebagai rujukan data industri.	Sepanjang Tahun	100%
10.	<b>Menghubung Rakyat (Promosi dan Komunikasi)</b> Meningkatkan jaringan promosi filem tempatan bersama rakyat seluruh Negara.	12 Program promosi filem seluruh negara	16 Program promosi filem seluruh negara
11.	<b>Menghubung Rakyat (Promosi dan Komunikasi)</b> Meningkatkan hebahan maklumat industri dan organisasi melalui capaian media baharu.	600 Muat turun artikel dan liputan berkaitan organisasi dan industri kepada rakyat	650 Muat turun artikel dan liputan berkaitan organisasi dan industri kepada rakyat
12.	Melaksanakan arahan dari masa ke semasa oleh YB Menteri dan YBhg Tan Sri KSU.	Sepanjang tahun	100%




# CARTA ORGANISASI FINAS

23

# CARTA ORGANISASI FINAS





Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (PKFN) merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 1996 dengan tujuan untuk mengembangkan industri filem di Malaysia. PKFN bertujuan untuk memberi sokongan dan peluang kepada pengeluar filem tempatan agar mereka boleh bersaing di pasaran dunia. Selain itu, PKFN juga berusaha untuk memperkenalkan filem tempatan ke pasaran luar negara melalui pelbagai program dan aktiviti.

Dalam tempoh lima tahun terakhir, PKFN telah mencapai beberapa pencapaian penting dalam pembangunan industri filem tempatan. Antara pencapaian tersebut termasuklah:

- Peningkatan jumlah pengeluaran filem tempatan dari RM100 juta pada tahun 2012 kepada RM250 juta pada tahun 2016.
- Peningkatan jumlah penonton filem tempatan dari 10 juta pada tahun 2012 kepada 15 juta pada tahun 2016.
- Peningkatan jumlah filem tempatan yang mendapat sambutan baik di pasaran luar negara, termasuknya di Amerika Syarikat, Jepun, dan Eropah.

Untuk mewujudkan hasil ini, PKFN telah mengambil beberapa tindakan penting, termasuk:

- Mengadakan program pelatihan dan bantuan teknikal bagi pengeluar dan pelakon filem tempatan.
- Mengadakan program promosi dan pemasaran bagi filem tempatan di pasaran luar negara.
- Mengadakan program pengurusan dan perancangan bagi pengeluar filem tempatan.

PKFN juga berusaha untuk meningkatkan kualiti dan konten filem tempatan melalui pelbagai program dan aktiviti. Mereka telah bekerjasama dengan institusi pendidikan dan universiti untuk mengadakan program pelatihan dan bantuan teknikal bagi pengeluar dan pelakon filem tempatan.

Berdasarkan maklumat yang diberikan, PKFN telah berhasil mencapai beberapa pencapaian penting dalam pembangunan industri filem tempatan. Mereka telah memberi sokongan dan peluang kepada pengeluar filem tempatan agar mereka boleh bersaing di pasaran dunia. Selain itu, PKFN juga berusaha untuk memperkenalkan filem tempatan ke pasaran luar negara melalui pelbagai program dan aktiviti.



## PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN

27

# PENGERUSI DAN AHLI-AHLI PERBADANAN

**YBhg. Dato' Sri Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad**  
Ahli Perbadanan

22 Disember 2014 – Sekarang Wakil Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

**YB. Dato' Mohd Khusairi Abdul Talib**  
Pengerusi FINAS

9 September 2015 – 8 September 2017  
Dilantik semula  
9 September 2017 – 8 September 2018

**YBhg. Dato' Mohid Mohamed**  
Timbalan Pengerusi FINAS

1 Julai 2017 – 30 Jun 2019

**YBhg. Datuk Yusof Haslam**  
Timbalan Pengerusi FINAS

1 Julai 2015 – 30 Jun 2017

**Puan Nor Azizati Hamzah**  
Ahli Perbadanan

20 Mei 2014 – 30 Jun 2017  
Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia

**YBhg. Dato' Doraisingam a/l Rengasamy**  
Ahli Perbadanan

1 Julai 2014 – 31 Disember 2014  
Dilantik semula  
1 Julai 2015 – 30 Jun 2017

**Puan Siti Juriani binti Jalaluddin**

Ahli Perbadanan  
22 Ogos 2017 – Sekarang  
Wakil Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia

**Encik Zahrin bin Haji Aris**  
Ahli Perbadanan

Lantikan Pertama  
1 Julai 2014 – 31 Disember 2014  
Lantikan kedua  
1 Julai 2015 – 30 Jun 2017  
Lantikan ketiga  
1 Julai 2017 – 30 Jun 2018





Lokasi: Bilik Mesyuarat Mix Stage, FINAS Ibu Pejabat  
Tarikh: 23 November 2017.






## UNIT INTEGRITI

PERKARA	MAKLUMAN
Nama Bahagian/Unit	Unit Integriti
<b>Objektif Bahagian/Unit</b>	Menyepadukan semua pengurusan hal-hal berkaitan dengan integriti di bawah sebuah unit yang khusus bertujuan ianya dapat dilaksanakan dengan secara yang lebih fokus dan terancang supaya elemen penginstitusian integriti, pencegahan, pematuhan dan pengesahan salah laku dapat dikuatkuasakan secara efisien dan mencapai keberhasilan yang optimum.
<b>Fungsi Bahagian/Unit</b>	<p>1. PENGURUSAN ADUAN MENERIMA DAN MENGAMBIL tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;</p> <p>2. PENGESANAN DAN PENGESAHAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) MENGESAN DAN MENGESAHKAN aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan</li> <li>b) MELAPORKAN salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;</li> </ul> <p>3. TATATERTIB MELAKSANAKAN fungsi keurusetiaan Lembaga Tatatertib;</p> <p>4. PENGUKUHAN INTEGRITI MEMASTIKAN pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;</p> <p>5. PEMATUHAN MEMASTIKAN pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa;</p> <p>6. TADBIR URUS MEMASTIKAN tadbir urus yang terbaik dilaksanakan.</p>
<b>Senarai Program/Projek Utama Sepanjang Tahun</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyelesaikan kes-kes tindakan tatatertib mengikut Akta 605.</li> <li>2. Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) FINAS.</li> <li>3. Mempamerkan dan mengedarkan bahan-bahan berkaitan integriti poster dan artikel untuk dihebahkan kepada warga FINAS.</li> <li>4. Menganjurkan program-program integriti dan nilai-nilai murni seperti ceramah, kursus latihan dalaman, kempen, lawatan sambil belajar dan muhasabah diri.</li> <li>5. Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan.</li> <li>6. Menjalankan naziran Kehadiran Penjawat FINAS.</li> <li>7. Memantau dan mengemaskini rekod pengisytiharan harta penjawat-penjawat FINAS.</li> </ol>

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UNIT INTEGRITI SUKUAN KE EMPAT

BIL.	PERKARA	PETUNJUK 5 PRESTASI UTAMA	PENCAPAIAN SUKUAN TAHUN 2017				SASARAN 2017
			1	2	3	4	
1.	TINDAKAN TATATERTIB	Menguruskan dan meyelaras tindakan tatatertib untuk pertimbangan Lembaga Tatatertib sehingga kes selesai.	-	2 tindakan tatatertib	-	2 tindakan tatatertib	Berdasarkan kepada kes yang diterima
2.	MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI & TADBIR URUS (JITU)	Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus bagi memastikan tadbir urus organisasi yang melibatkan isu integriti bagi membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dilaksanakan secara efektif.	-	1 kali mesyuarat	1 kali mesyuarat	1 kali mesyuarat	3 kali setahun
3.	HEBAHAN INTEGRITI	Mempamerkan dan mengedar bahan-bahan berkaitan integriti poster dan artikel untuk dihebahkan kepada warga FINAS untuk berkongsi perkembangan dan maklumat berkaitan integriti kepada semua warga FINAS dan menanam kesedaran integriti.	-	1	1	1	Sepanjang Tahun
4.	PENGUKUHAN INTEGRITI	Menganjurkan program-program integriti dan nilai-nilai murni seperti ceramah, kursus/latihan dalaman, kempen, lawatan sambil belajar dan muhasabah diri.	-	-	-	1 kali kursus	1 kali setahun
5.	MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN	Mengurusetiakan Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan membantu Jawatankuasa menjalankan siasatan bagi mengesan dan mengesahkan laporan dan aduan yang diterima sebelum tindakan yang sewajarnya diambil.	1 kes siasatan	1 kes siasatan	1 kes siasatan	-	Berdasarkan kepada kes yang diterima
6.	PENGUATKUASANAAN PEMATUHAN	Memastikan pematuhan berkaitan keberkesanan pelaksanaan dan ketidakpatuhan terhadap dasar, undang-undang dan peraturan bagi tindakan susulan dan melaporkan kes penyelewengan, salah laku dan salah guna kuasa kepada Pengurusan Tertinggi.	-	-	1 kali (Sept)	1 kali (Okt)	1 kali setahun
7.	PENGISYTIHARAN HARTA	Memantau dan mengemaskini rekod pengisyhtiran harta penjawat-penjawat FINAS bagi memastikan warga FINAS bersih dari pertuduhan dan terlibat dengan rasuah / salah guna kuasa.	-	-	-	1 kali	1 kali setahun
8.	PENGURUSAN ADUAN	Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan / maklumat mengenai salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.	3 aduan	2 aduan	-	-	Berdasarkan kes yang diterima






## BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI

83

Bahagian Pembangunan Industri merupakan salah satu bahagian di bawah sektor Pengurusan yang di ketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan. Bahagian ini terdiri daripada 3 unit iaitu :



## UNIT GALAKAN INDUSTRI


### Skim Wajib Tayang



Skim Wajib Tayang diwujudkan bertujuan untuk mempertimbangkan mana-mana filem tempatan atau filem usaha sama untuk ditayangkan secara wajib di dewan wayang gambar oleh pempamer. Kewajipan pempamer hendaklah menayangkan filem yang diluluskan selama empat belas (14) hari berturut-turut dan di dewan wayang gambar yang terbesar.


Di bawah Skim Wajib Tayang, sebanyak 59 buah filem telah ditayangkan pada tahun 2017. Bilangan penayangan filem ini telah meningkat sebanyak 28.26% berbanding pada tahun 2016 iaitu sebanyak 46 buah filem. Walaupun bilangan penayangan filem meningkat tetapi jumlah kutipan kasar pada tahun 2017 iaitu RM55,791,312.35 telah menurun sebanyak 30.62% berbanding tahun 2016 sebanyak RM80,419,751.64 (Jadual 1). Penurunan jumlah kutipan kasar tersebut adalah disebabkan filem-filem kurang mendapat sambutan penonton di pawagam.

Maklumat ringkas perbandingan kutipan kasar filem di bawah Skim Wajib Tayang pada tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti berikut:-




Sebanyak 11 buah filem telah mendapat kutipan jualan tiket melebihi RM1 juta dengan jumlah RM48,216,331.43. Bilangan filem meningkat tetapi jumlah kutipan jualan tiket menurun berbanding tahun 2017 sebanyak 10 buah filem dengan jumlah RM71,876,869.23. Kutipan tiket yang tertinggi iaitu sebanyak RM18juta adalah bagi filem cereka berjudul 'Abang Long Fadil 2' terbitan Skop Production Sdn. Bhd. (Jadual 2).

Daripada 59 buah filem tersebut 34 filem Bahasa Malaysia, 16 filem Bahasa Mandarin dan 9 filem Bahasa Tamil. Maklumat ringkas perbandingan filem mengikut bahasa pada tahun 2016 dengan tahun 2017 adalah seperti berikut:-




### Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC)




Pada tahun 2016 Kerajaan melalui peruntukan di bawah RMK11 sebanyak RM30 juta telah disediakan bagi pembayaran Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) kepada penerbit. Insentif ini adalah bantuan pihak Kerajaan untuk membantu pengeluar filem tempatan. Kerajaan masih meneruskan pemberian insentif ini kerana menyedari kepentingan industri kandungan kreatif yang boleh menyumbang kepada ekonomi negara.

Sepanjang tahun 2017 sebanyak 57 buah filem cereka telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) dengan melibatkan pembayaran insentif sebanyak RM3,559,939.00 (Jadual 3). Jumlah tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) ini telah menurun sebanyak 35.22% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak 88 buah filem dengan melibatkan pembayaran insentif sebanyak RM6,852,341.74. Penurunan ini disebabkan kerana pengurangan penerbitan filem pada tahun 2016 dan 2017.

Daripada 57 buah filem cereka yang telah menerima Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC), 43 filem Bahasa Malaysia, 9 filem Bahasa Mandarin dan 5 filem Bahasa Tamil.



Maklumat ringkas perbandingan tuntutan Insentif Tayangan Filem Cereka (ITFC) pada tahun 2013 sehingga 2017 adalah seperti berikut:-



**Jadual 1****TAYANGAN FILEM CEREGA TEMPATAN DI BAWAH SKIM WAJIB TAYANG TAHUN 2017**

BIL.	TARIKH TAYANG	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
1.	12.01.2017	Dorm Melati	MIG Productions Sdn. Bhd.	58
2.	19.01.2017	Spy In Love	Sheunik Sdn. Bhd.	25
3.	26.01.2017	Love From Kampung (Kantonis)	MIG Pictures Sdn. Bhd.	48
4.		New Year Wish (Mandarin)	Hooray Movies Sdn. Bhd.	39
5.	2.02.2017	Aku Haus Darahmu	Tsar Asia Sdn. Bhd.	33
6.		Money Money Home (Mandarin)	Idea Ent Sdn. Bhd.	30
7.	9.02.2017	I Am Lee Kah Seng (Mandarin)	Benison Pictures Sdn. Bhd.	30
8.	16.02.2017	"Soulmate".... Hingga Jannah	Fita Studios Sdn. Bhd.	60
9.	23.02.2017	Pak Pong	9 Country Creativity Sdn. Bhd.	60
10.	2.03.2017	J Revolusi	Infinitus Prod Sdn. Bhd. / Primeworks Studios Sdn. Bhd.	59
11.	9.03.2017	Adiwira Ku	Filmmecca Studio Sdn. Bhd.	35
12.	16.03.2017	Kanang "The Iban Warrior	Tangan Seni Sdn. Bhd.	52
13.		Therapist (Mandarin)	Full Billion Ent Sdn. Bhd.	25
14.	23.03.2017	Goodbye Mr. Loser (Mandarin)	Asia Tropical Films Sdn. Bhd.	45
15.	30.03.2017	Kimchi Untuk Awak	Astro Shaw Sdn.Bhd./Dark Wave Pictures Sdn. Bhd.	52
16.	6.04.2017	Sindiket	Loyal Studios Sdn. Bhd.	40
17.	13.04.2017	Hospital	MIG Pictures Sdn. Bhd.	48
18.	20.04.2017	Kamar Seks	Genius Parade Sdn. Bhd.	25
19.	04.05.2017	Lebuhraya Ke Neraka	Primeworks Studios Sdn. Bhd.	41
20.	04.05.2017	You Mean The World To Me (Mandarin)	Astro Shaw Sdn. Bhd.	40
21.	08.06.2017	RIP? (Tamil)	Fenomena Seni Produksi (M) Sdn. Bhd.	22
22.	25.06.2017	Minah Moto	Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd.	40
23.	20.7.2017	Kerja Kahwin	Wayang Padu Sdn. Bhd.	38
24.		Puthiya Payanam (Tamil)	SB Prodction Sdn. Bhd.	20
25.	27.07.2017	Kau Yang Satu	Astro Shaw Sdn.Bhd. / Global Station Sdn. Bhd.	65
26.	3.08.2017	Maama Machan (Tamil)	Boss Pictures Sdn. Bhd.	19
27.		Hijabsta Ballet	Explosive Magic Sdn. Bhd.	41
28.	10.08.2017	Pencuri Hati Mr Cinderella	Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd.	33
29.	17.08.2017	Balun	Elements Pictures (M) Sdn. Bhd.	40
30.	24.08.2017	Abang Long Fadil 2	Skop Prod. Sdn. Bhd.	130
31.		Vettai Karuppar Ayya (Tamil)	D'cinema Sdn. Bhd.	20
32.	31.08.2017	Malay Regiment	World Evolution Brain (M) Sdn. Bhd.	51
33.		Mendidihi Bro	Swamatra Sdn. Bhd.	21
34.	7.09.2017	Kau Takdirku	Primeworks Studios Sdn. Bhd.	47
35.		Mrs K (Mandarin)	Red Films Sdn. Bhd.	39
36.	14.09.2017	Kolestrol VS Cinta	MIG Pictures Sdn. Bhd.	41
37.	21.09.2017	Bisik Pada Langit	Nusantara Seni Karya Sdn. Bhd.	60
38.		913 "The Returning" (Mandarin)	Daa Productions Sdn. Bhd.	30
39.	28.09.2017	Luqman	Institut Kesenian Dan Kajian Media Malaysia S/B	36
40.		The Farm : En. Veetu Thottathil (Tamil)	S Cape Imagination Sdn. Bhd.	17
41.	05.10.2017	Aku Bukan Terrorist	White Merpati Ent. Sdn. Bhd	46
42.		Vasantha Villas (Tamil)	AG Film Factory Sdn. Bhd	22

**Jadual 2**

BIL.	TARIKH TAYANG	JUDUL FILEM	PENGELUAR	BIL. PAWAGAM
43.	12.10.2017	<b>Tombiruo: Penunggu Rimba</b>	Astro Shaw Sdn. Bhd	62
44.		<b>Shuttle Life (Mandarin)</b>	More Entertainment Sdn. Bhd	35
45.	19.10.2017	<b>Haunted Hotel (Mandarin)</b>	Lomo Pictures Sdn. Bhd.	35
46.	26.10.2017	<b>Asli (Mandarin)</b>	Cinetopia Sdn. Bhd.	30
47.		<b>Dubai My Love</b>	Tsar Asia Sdn.Bhd.	39
48.	02.11.2017	<b>Peransang Rentap</b>	Unique Twins Sdn. Bhd.	40
49.	09.11.2017	<b>Jhangri (Tamil)</b>	Jhangri Prod. House Sdn. Bhd.	22
50.		<b>Headlines (Mandarin)</b>	Just Work Ent. Sdn. Bhd.	30
51.	16.11.2017	<b>Before We Forget (Mandrin)</b>	Three Pictures Sdn. Bhd.	45
52.	23.11.2017	<b>Motor Terbang: Rempit Sampai Langit</b>	Suhan Movies & Trading Sdn. Bhd.	50
53.		<b>Thottam (Tamil)</b>	Blueye Prod. Sdn. Bhd.	16
54.	30.11.2017	<b>Aasaan (Tamil)</b>	Nova Rimbun Sdn. Bhd.	19
55.		<b>Pinjamkan Hatiku</b>	Nuansa Sdn. Bhd.	59
56.	07.12.2017	<b>Papa, Come Home (Mandarin)</b>	The Film Engine Sdn. Bhd.	56
57.		<b>Jibam</b>	Spektra Selasih Sdn. Bhd.	65
58.	21.12.2017	<b>Brotherhood (Mandarin)</b>	Malayflix Movies Sdn. Bhd.	43
59.		<b>KL Wangen</b>	Centro Pictures Sdn. Bhd.	62

**FILEM DI BAWAH SKIM WAJIB TAYANG YANG MENDAPAT KUTIPAN KASAR JUALAN TIKET MELEBIHI RM1JUTA PADA TAHUN 2017**

BIL.	JUDUL FILEM	PENGELUAR	JUALAN TIKET (RM)
1.	<b>Abang Long Fadil 2</b>	Skop Prod. Sdn. Bhd.	18,001,970.88
2.	<b>Tombiruo: Penunggu Rimba</b>	Astro Shaw Sdn. Bhd	7,972,886.24
3.	<b>J Revolusi</b>	Infinitus Prod Sdn. Bhd. / Primeworks Studios Sdn. Bhd.	7,139,625.42
4.	<b>Before We Forget (Mandarin)</b>	Three Pictures Sdn. Bhd	3,824,191.82
5.	<b>Pinjamkan Hatiku</b>	Nuansa Sdn. Bhd	3,130,325.62
6.	<b>Bisik Pada Langit</b>	Nusantara Seni Karya Sdn. Bhd.	3,613,236.04
7.	<b>Haunted Hotel (Mandarin)</b>	Lomo Pictures Sdn. Bhd	1,295,393.83
8.	<b>You Mean The World To Me (Mandarin)</b>	Astro Shaw Sdn. Bhd.	1,278,382.76
9.	<b>Kimchi Untuk Awak</b>	Astro Shaw Sdn. Bhd. / Dark Wave Pictures Sdn. Bhd.	1,137,086.70
10.	<b>Kau Yang Satu</b>	Astro Shaw Sdn.Bhd. / Global Station Sdn. Bhd.	1,044,258.53
11.	<b>Love From Kampung (Kantonis)</b>	MIG Pictures Sdn. Bhd.	1,051,146.21
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>48,216,331.43</b>

Jadual 3

## TUNTUTAN INSENTIF TAYANGAN FILEM CEREKA (ITFC) TAHUN 2017

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUDUL FILEM	JUALAN TIKET (RM)
1.	<b>Primeworks Studios Sdn. Bhd.</b>	Rock Bro! Kembali Ke Pangkal Jalan Istanbul Aku Datang J Revolusi Lebuh Raya Ke Neraka Kau Takdirku	1,159,046.12
2.	<b>Skop Productions Sdn. Bhd.</b>	Desolasi Abang Long Fadil 2	641,524.92
3.	<b>Astro Shaw Sdn. Bhd.</b>	Aliff Dalam 7 Dimensi Dukun Dr. Dani You Mean The World To Me (Mand) Kimchi Untuk Awak	416,591.49
4.	<b>Les' Copaque Prod. Sdn. Bhd.</b>	Upin & Ipin Jeng, Jeng, Jeng	347,323.55
5.	<b>MIG Pictures Sdn. Bhd.</b>	Love From Kampung (Mand) Dorm Melati Hospital Kolestrol vs Cinta	186,716.16
6.	<b>Karyaseni Production Sdn. Bhd.</b>	Suami Aku Ustaz	104,088.18
7.	<b>Aifa Motion Pictures Sdn. Bhd.</b>	Mat Moto Otai Minah Moto	86,954.37
8.	<b>Touchtronics Entertainment Sdn. Bhd.</b>	Warna Cinta Impian Mayangaathey (Tamil)	69,682.58
9.	<b>Idea Entertainment Sdn. Bhd.</b>	Money Money Home (Mand)	65,181.90
10.	<b>FiTA Studios Sdn. Bhd.</b>	Anak Mami Nasi Kandaq Soulmate...Hingga Jannah	50,808.71
11.	<b>Apparat Sdn. Bhd.</b>	Interchange	48,819.39
12.	<b>White Merpati Entertainment Sdn. Bhd.</b>	Darah Panas Radhi Rudy Bin Dadu	38,974.19
13.	<b>Full Billion Entertainment Sdn. Bhd.</b>	Happy Birth Death (Mand) Therapist (Mand)	37,581.67
14.	<b>Rainfilm Sdn. Bhd.</b>	Apartment Kecoh! Primadona Kena Hantu	35,764.93
15.	<b>Kingdom Works Sdn. Bhd.</b>	Love Endures (Mand)	29,067.65
16.	<b>YKS Film Maker Sdn. Bhd.</b>	Gangsterock Kasi Sengat	28,617.40
17.	<b>Pencil Pictures And Records Sdn. Bhd.</b>	Bopeng	28,046.57
18.	<b>Tangan Seni Sdn. Bhd.</b>	Kanang Anak Langkau "The Iban Warrior"	21,119.08
19.	<b>Nation Film Studios Sdn. Bhd.</b>	Chowrasta	17,667.39
20.	<b>Golden Peacock Film Production Sdn. Bhd.</b>	Maravan (Tamil)	16,969.87
21.	<b>Heart N Soul Sdn. Bhd.</b>	Pontianak Menangis	16,076.99
22.	<b>Jhangri Production Sdn. Bhd.</b>	Jhangri (Tamil)	14,026.85
23.	<b>Mahligai Masyhur Sdn. Bhd.</b>	Hold Me Tight (Mand) Courage To Dream (Mand)	13,174.22
24.	<b>Tanah Licin Sdn. Bhd.</b>	Hanyut	12,814.00
25.	<b>Film Mecca Studio Sdn. Bhd.</b>	Adiwiraku	11,781.08
26.	<b>Tsar Asia Sdn. Bhd.</b>	Aku Haus Darah Mu	11,514.52
27.	<b>Hooray Movies Sdn. Bhd.</b>	New Year Wish (Mand)	9,268.69
28.	<b>Loyal Studios</b>	Sindiket	8,392.78
29.	<b>World Evolution Brain (M) Sdn. Bhd.</b>	Malay Regiment	7,760.16
30.	<b>RK Vision Sdn. Bhd.</b>	Perjanjian Syaitan Cendol: Kepada Allah Aku Berserah	6,439.35
31.	<b>Boss Pictures Sdn. Bhd.</b>	Maama Machan (Tamil)	4,505.02

BIL.	NAMA SYARIKAT	JUDUL FILEM	JUALAN TIKET (RM)
32.	<b>Sheunik Sdn. Bhd.</b>	Kastil Tua Ciliwung Gudnite	3,763.20
33.	<b>Elements Pictures (M) Sdn. Bhd.</b>	Balun	2,838.76
34.	<b>SB Production Sdn. Bhd.</b>	Puthiya Payanam (Tamil)	2,464.31
35.	<b>Genius Parade Sdn. Bhd.</b>	Kamar Seks	1,992.99
36.	<b>Explosive Magic Sdn. Bhd.</b>	Hijabsta Ballet	1,654.43
37.	<b>Manja Citra Sdn. Bhd.</b>	Mawar Putih	925.53
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>3,559,939.00</b>



Majlis Penyampaian ITFC 1/2017 pada 11 April 2017 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS.



Majlis Penyampaian ITFC 2/2017 pada 9 Ogos 2017 di Pawagam Mini P. Ramlee FINAS.



Majlis Penyampaian ITFC 3/2017 pada 7 Disember 2017 di Pawagam Mini P. Ramlee, FINAS.



Pratonton Filem Skim Wajib Tayang Bil.11/2017 pada 19-20 Disember 2017 di Platinum Hall, MMCineplexes Damansara.



Lawatan ke pawagam baru Pictures House Cinema, Genting Highlands pada 7 November 2017.



Lawatan ke pawagam baru TSR Cinemax, IRDKL Mall Shah Alam pada 13 April 2017.

## UNIT KHIDMAT PRODUKSI

### SEWAAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN PROFILEMAN



Selaras dengan objektif penubuhan FINAS iaitu menggalak, memelihara dan memudahkan industri profileman, Perbadanan menyediakan sewaan peralatan dan kemudahan profileman seperti peralatan produksi, pasca produksi dan studio. Perbadanan juga sentiasa berusaha untuk memberi bantuan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada penggiat industri profileman dengan menawarkan kadar sewaan yang berpatutan serta penggunaan peralatan dan kemudahan profileman yang moden dan berteknologi tinggi.

Unit Khidmat Produksi berperanan menguruskan sewaan bagi fasiliti-fasiliti di FINAS. Berikut ialah kemudahan fasiliti yang disediakan oleh FINAS:

- Studio Sound Stage (Hulu Kelang & Petaling Jaya)
- Studio Ho Ah Loke
- Pawagam Mini P.Ramlee
- Dataran Karyawan & Concourse FINAS
- Peralatan Produksi
- Khidmat Pasca Produksi
- Jualan Futej

Pendapatan kasar bagi hasil kemudahan dan peralatan profileman di FINAS pada tahun 2017 adalah sebanyak RM 862.754.10.

**Penggunaan Kuantiti Sewaan Kemudahan dan Peralatan Profileman FINAS**



**Laporan Keseluruhan Hasil Sewaan Kemudahan dan Peralatan Perfileman FINAS Hulu Kelang & Petaling Jaya Tahun 2017**

2017	FINAS POST	ALAT	PAWAGAM MINI & PANGGUNG 1 (Petaling Jaya)	STUDIO SOUND STAGE (Hulu Kelang)	STUDIO HO AH LOKE & STUDIO L. KRISHNAN	DATARAN, CONCOURSE & PERSEKITARAN	STUDIO SOUND STAGE (Petaling Jaya)	JUMLAH (RM)
JANUARI	-	-	-	-	-	-	-	-
FEBRUARI	-	-	413.40	-	-	-	-	413.40
MAR	763.20	286.20	201.40	-	-	3,180.00	-	4,430.80
APRIL	-	1,346.20	1,049.40	28,620.00	7,420.00	-	6,360.00	44,795.60
MAY	-	-	402.80	-	1,484.00	-	3,180.00	5,066.80
JUN	-	16,960.00	-	-	-	-	3,180.00	20,140.00
JULAI	-	-	1,558.20	-	4,452.00	-	34,980.00	40,990.20
Ogos	-	114.50	805.60	-	-	-	7,420.00	9,357.70
SEPTEMBER	-	148.40	-	240,620.00	740.00	-	3,180.00	244,688.40
OCTOBER	-	1,060.00	201.40	-	742.00	-	28,620.00	30,623.40
NOVEMBER	-	-	201.40	-	-	-	-	201.40
DISEMBER	-	-	201.40	-	-	-	-	201.40
<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>763.20</b>	<b>19,915.30</b>	<b>5,035.00</b>	<b>269,240.00</b>	<b>14,838.00</b>	<b>3,180.00</b>	<b>86,920.00</b>	<b>400,909.10</b>

## LAPORAN KESELURUHAN SEWAAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN PROFILEMAN FINAS

### KOS TIDAK KETARA

Jumlah kos tidak ketara ialah : **RM 461,845.00**

Jumlah keseluruhan pendapatan FINAS 2017 : **RM 862,754.10**

BIL.	KEMUDAHAN	KOS TIDAK KETARA
1.	Pawagam Mini P. Ramlee	<b>RM 20,945.00</b>
2.	Studio Sound Stage (Hulu Kelang)	<b>RM 99,000.00</b>
3.	Studio Sound Stage (Petaling Jaya)	<b>RM 12,000.00</b>
4.	Studio Ho Ah Loke	<b>RM 11,900.00</b>
5.	Dataran Karyawan	<b>RM 318,000.00</b>

Sepanjang bulan Januari hingga Disember 2017 terdapat sebanyak 274 bilangan sewaan seperti berikut:

BIL.	KEMUDAHAN	BIL. SEWAAN
1.	Alatan Produksi	<b>8</b>
2.	Studio Sound Stage (Hulu Kelang & Petaling Jaya)	<b>30</b>
3.	Pusat Pasca Produksi	<b>1</b>
4.	Studio Ho Ah Loke	<b>9</b>
5.	Pawagam Mini P. Ramlee & Panggung 1 (Petaling Jaya)	<b>119</b>
6.	Kemudahan Lain	<b>107</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>274</b>

Bilangan sewaan ini telah diambil kira dari pihak pelanggan mahupun dari dalaman FINAS sendiri

92

### KPI UNIT KHIDMAT PRODUKSI BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TAHUN 2017

BT = Tidak Mencapai Sasaran (*Below Target*)

OT = Mencapai Sasaran (*On Target*)

ET = Melepasi Sasaran (*Exceed Target*)

ST = Sangat Melepasi Sasaran (*Significantly Exceed Target*)

BIL	PERKARA / KPI	RATING / SASARAN				Pencapaian 2017
		BT	OT	ET	ST	
1.	Sewaan Kemudahan FINAS Hulu Kelang & Petaling Jaya					
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan Sewaan</li> <li>• Hasil</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>&lt; 300</li> <li>&lt; 400 ribu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>300</li> <li>400 ribu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; 350</li> <li>&gt; 450 ribu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>&gt; 400</li> <li>&gt; 500 ribu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>272</li> <li>400 ribu</li> </ul>



Rakaman Program Reality Ceo Desa  
Di Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang.



Rakaman Disney's Club Mickey Mouse  
Di Studio Sound Stage FINAS Petaling Jaya.



Sidang Media Anugerah Telenovela 2017  
di Pawagam Mini P.Ramlee.



Pelancaran Filem Munafik 2 di Dataran Karyawan FINAS.



Rakaman Program Parlimen Mini Musim Ke-6  
di Studio Sound Stage FINAS Hulu Kelang.



Rakaman Iklan Big Duty Free di Studio Sound Stage FINAS Petaling Jaya.



Seniman Fit Vibes di Dataran Karyawan.



Sidang Media Pelancaran Piffa 2017 di Pawagam Mini P.Ramlee.

## UNIT LATIHAN INDUSTRI

PERKARA	MAKLUMAN																																							
NAMA UNIT	UNIT LATIHAN INDUSTRI																																							
OBJEKTIF UNIT	<p>1. Mengendalikan program kemahiran seperti bengkel &amp; masterclass, seminar, simposium, forum &amp; apresiasi filem, menyediakan platform untuk belia industri kreatif, program yang menggalakkan inovasi &amp; penciptaan IP, kerjasama strategik dengan persatuan perfileman, penggiat industri, agensi kerajaan atau NGO.</p>																																							
FUNGSI UNIT	<p>1. Merancang dan mengendalikan program berteraskan pembangunan kemahiran berkaitan industri seperti bengkel &amp; masterclass.</p> <p>2. Mengendalikan program pendedahan mengenai industri kreatif menerusi seminar simposium, forum &amp; apresiasi filem.</p> <p>3. Merancang dan menyediakan platform untuk menggalakkan pembangunan belia industri kreatif terutamanya penuntut IPTA/IPTS.</p> <p>4. Menyelia program ‘Mentoring’ bersama tokoh perfileman.</p> <p>5. Mengendalikan program yang menggalakkan inovasi dan penciptaan IP bagi industri multimedia kreatif.</p> <p>6. Mengadakan kerjasama strategik dengan persatuan perfileman untuk sasaran penggiat industri.</p> <p>7. Mewujudkan kolaborasi dengan agensi kerajaan atau NGO untuk tujuan pendedahan tentang potensi kerjaya dalam bidang perfileman.</p>																																							
SENARAI PROGRAM/PROJEK UTAMA SEPANJANG TAHUN	<p><b>PROGRAM UTAMA:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Young Filmmakers Workshop 2017.</i></li> <li>2. <i>ASEAN-ROK: Film Leaders Incubator (FLY2017).</i></li> <li>3. <i>Crossing Borders 2017.</i></li> <li>4. Negaraku: Kreativiti@Komuniti (K@K).</li> <li>5. <i>Buy The Future! 2017.</i></li> <li>6. Sahabat Filem FINAS-FELDA.</li> <li>7. <i>International American Society Of Cinematographers (ASC) Masterclass 2017.</i></li> <li>8. Bicara Sutradara Asia 2017.</li> </ol>																																							
PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN	<p><b>KPI FINAS:</b></p> <table> <thead> <tr> <th>KPI</th> <th>Sasaran 2017</th> <th>Pencapaian 2017</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><b>Program Pemacuan</b></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>1. Bilangan Program</td> <td>5</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>2. Bilangan Peserta</td> <td>50</td> <td>56</td> </tr> <tr> <td><b>Program Pembangunan Kemahiran</b></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>1. Bilangan Program</td> <td>10</td> <td>26</td> </tr> <tr> <td>2. Bilangan Peserta</td> <td>400</td> <td>1049</td> </tr> <tr> <td><b>Program Perkongsian Idea</b></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>1. Bilangan Program</td> <td>10</td> <td>17</td> </tr> <tr> <td>2. Bilangan Peserta</td> <td>400</td> <td>848</td> </tr> <tr> <td><b>Program Kesedaran Kreatif</b></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>1. Bilangan Program</td> <td>10</td> <td>11</td> </tr> <tr> <td>2. Bilangan Peserta</td> <td>500</td> <td>1505</td> </tr> </tbody> </table>	KPI	Sasaran 2017	Pencapaian 2017	<b>Program Pemacuan</b>			1. Bilangan Program	5	5	2. Bilangan Peserta	50	56	<b>Program Pembangunan Kemahiran</b>			1. Bilangan Program	10	26	2. Bilangan Peserta	400	1049	<b>Program Perkongsian Idea</b>			1. Bilangan Program	10	17	2. Bilangan Peserta	400	848	<b>Program Kesedaran Kreatif</b>			1. Bilangan Program	10	11	2. Bilangan Peserta	500	1505
KPI	Sasaran 2017	Pencapaian 2017																																						
<b>Program Pemacuan</b>																																								
1. Bilangan Program	5	5																																						
2. Bilangan Peserta	50	56																																						
<b>Program Pembangunan Kemahiran</b>																																								
1. Bilangan Program	10	26																																						
2. Bilangan Peserta	400	1049																																						
<b>Program Perkongsian Idea</b>																																								
1. Bilangan Program	10	17																																						
2. Bilangan Peserta	400	848																																						
<b>Program Kesedaran Kreatif</b>																																								
1. Bilangan Program	10	11																																						
2. Bilangan Peserta	500	1505																																						

PERKARA	MAKLUMAN			
	NAMA UNIT	UNIT LATIHAN INDUSTRI		
		KPI	Sasaran 2017	Pencapaian 2017
<b>PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN</b>		<b>KPI RMK11:</b>		
		<b>Program Pemacuan</b>		
		1. Bilangan Harta Intelek (IP)	10	11
		2. Bilangan Peserta	30	56
		<b>Program Pembangunan Kemahiran</b>		
		1. Bilangan Peserta	360	1049
		2. % Pekerjaan Berpendapatan Tinggi	20%	20%
		<b>Program Perkongsian Idea</b>		
		1. Bilangan Peserta	400	848
		2. % Pekerjaan Berpendapatan Tinggi	30%	30%
		3. Institut Niche	2	2
		<b>Program Kesedaran Kreatif</b>		
		1. Bilangan Peserta	10	11
		2. % Pemahaman Tentang CCI	30%	30%
<b>DATA &amp; STATISTIK MELIBATKAN PENCAPAIAN PROGRAM/PROJEK</b>		<b>1. JUMLAH PROGRAM: 67</b>		
		a) Pemacuan = 6 Program		
		b) Pembangunan Kemahiran = 28 Program		
		c) Perkongsian Idea = 23 Program		
		d) Kesedaran Industri Kreatif = 10 Program		
		<b>2. KOLABORASI STRATEGIK:</b>		
		a) Persatuan Industri = 7		
		b) NGO = 5		
		c) Badan Kerajaan = 9		
		d) IPT = 7		
		e) Syarikat = 1		
		<b>3. PENYERTAAN:</b>		
		a) Bengkel/Masterclass/Incubator = 1209 Orang		
		b) Forum/Simposium/Apresiasi = 1597 Orang		
		c) Kempen Kesedaran Industri Kreatif = 1024 Orang		
		<b>4. DEMOGRAFIK:</b>		
		a) Penyertaan Belia = ≥1,574 Orang		
		b) Penyertaan Bumiputera = ≥1,312 Orang		



#### ASC Masterclass:

Sinematografer Hollywood, Dean Cundey, berkongsi ilmu dan pengalaman dalam teknik kamera dan 'green screen' kepada 42 sinematografer tempatan dan negara-negara jiran ketika program *International American Society Of Cinematographers (ASC) Masterclass* di Studio Sound Stage, FINAS Hulu Kelang.



#### Bengkel Lakonan FINAS:

Seramai 23 peserta yang terdiri daripada kalangan pelakon baru & profesional telah menyertai Bengkel Lakonan FINAS bersama tenaga pengajar berpengalaman, Fauziah Nawi & Fatimah Abu Bakar.



#### Crossing Borders 2017:

14 buah projek dokumentari bertaraf antarabangsa telah melalui latihan pembangunan dokumentari *Crossing Borders 2017* (usaha sama FINAS, MyDocs & Documentary Campus(Jerman) selama 6 bulan bagi memberi persiapan yang mencukupi untuk mengkomersialkan produk kandungan masing-masing.




#### Buy The Future!:

Kerjasama erat antara FINAS & FELDA telah berjaya menganjurkan sebuah Bengkel Kemahiran Filem & Multimedia bagi mencungkil minat & bakat 30 orang belia FELDA di FELDA Trolak, Perak.



#### Young Filmmakers Workshop 2017:

Benedict Lazaroo (kiri) & Ariff Syafzan (kanan) telah dipilih bagi mewakili Malaysia ke program *Film Leaders Incubator (FLY2017)* setelah menjalani latihan video pendek kendalian FINAS iaitu *Young Filmmakers Workshop 2017* di Hotel Sentral, Kuala Lumpur. Turut dalam gambar adalah salah seorang peserta program, Chew Boon Wai, yang menerima Anugerah Khas Mentor YFW2017.



## BAHAGIAN PEMASARAN

## FUNGSI BAHAGIAN PEMASARAN

### Misi dan Visi:

Bahagian Pemasaran ditubuhkan sebagai pasukan promosi dan pemasaran strategik FINAS (*functional and divisional structure*) melalui komunikasi berkesan kepada sasaran pelanggan (*stakeholders*) dan industri melalui capaian (i) domestik dan (ii) antarabangsa melalui tiga teras utama iaitu :

- i. *Marketing Communication* (Komunikasi Pasaran)
- ii. *International and Domestic Alliance* (Perhubungan Strategik)
- iii. *Industrial Intelligence* (Pembangunan Strategi Pasaran)

### Objektif Bahagian

1. Koordinator strategik kepada jaringan perhubungan antarabangsa FINAS dan industri melalui strategi penjenamaan, pelaburan, promosi dan pemasaran global.
2. Koordinator strategik kepada jaringan promosi domestik FINAS melalui promosi organisasi dan industri.
3. Koordinator kepada pembangunan penerbitan bahan kandungan industri dan *knowledge integration* oleh FINAS.

## UNIT PASARAN ANTARABANGSA

Aktiviti yang dijalankan oleh Unit Pasaran Antarabangsa sepanjang tahun 2017 adalah merangkumi penyertaan di pasaran filem antarabangsa dan program-program antarabangsa.

### 1. PASARAN FILEM ANTARABANGSA

Selaras dengan *Communications Content & Infrastructure (CCI) NKEA – Economic Transformation Program (ETP)* dan Dasar Perfileman Negara (DFN), penyertaan FINAS di pasaran filem antarabangsa adalah untuk menggalakkan penerbit dan syarikat filem tempatan memasarkan dan mempromosikan produk serta perkhidmatan mereka serta melebarkan pasaran filem Malaysia ke pelbagai benua. FINAS secara konsisten membawa penerbit dan pengeluar menyertainya bagi mengukuhkan penyertaan Malaysia di pasaran filem antarabangsa. Kerjasama strategik di antara FINAS dan agensi-agensi seperti MDEC dan MATRADE telah memperkuuhkan lagi usaha pemasaran bersepudu ke peringkat global.

Pasaran filem antarabangsa merupakan landasan yang paling sesuai untuk mewujudkan rangkaian perniagaan, pengetahuan pasaran, hubungan dan peluang perniagaan dengan para profesional dalam bidang berkaitan. Antara produk yang mendapat perhatian pembeli luar negara ialah filem cereka, dokumentari, animasi, program TV dan drama. Pasaran filem antarabangsa memberi manfaat dalam pelbagai aspek terutama dalam urus niaga, peluang perniagaan, jaringan hubungan serta perkongsian ilmu bagi meningkatkan industri perfileman Malaysia. Ini sejajar dengan agenda kerajaan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi Negara (NKEA), industri kreatif ini berpotensi untuk menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

Sepanjang tahun 2017, Unit Komersial Antarabangsa telah mengetuai penyertaan di dua (2) pasaran filem antarabangsa dan bertindak sebagai badan penyelaras kepada para penerbit filem tempatan yang telah turut serta ke pasaran filem. Pasaran filem antarabangsa yang disertai sepanjang tahun 2017 dengan jualan eksport kandungan kreatif keseluruhan sebanyak RM5.485 juta adalah seperti berikut:

BIL	PASARAN FILEM	PENCAPAIAN	
		JUMLAH SYARIKAT	NILAI JUALAN EKSPORT KANDUNGAN KREATIF (RM/JUTA)
1.	<b>MIPCOM, Palais Des Festival, Cannes, Perancis 16 – 19 Oktober 2017</b>	12	2.358
2.	<b>Asia TV Forum and Market, Singapura 28 November – 2 Disember 2017</b>	5	3.127

### 2. PROGRAM ANTARABANGSA

#### KOREAN-ASEAN DIGITAL CONTENT CONFERENCE

*Korean-Asean Digital Content Conference* merupakan program anjuran *Ministry of Science and ICT (MSIT), South Korea* telah berlangsung pada 13 – 15 November 2017 di Seoul, Korea Selatan. Aktiviti yang berlangsung bersempena program ini adalah seminar strategik dan *B2B Matchmaking Meeting* di antara wakil-wakil negara ASEAN iaitu Thailand, Indonesia, Myanmar, Laos dan Malaysia dalam sektor perfileman, animasi dan penyiaran.

### 3. PENYERTAAN DI FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

Bagi mempromosikan filem-filem Malaysia yang berkualiti di luar negara, Unit Pasaran Antarabangsa telah menghantar filem-filem Malaysia untuk bertanding di beberapa buah siri festival filem antarabangsa. Senarai festival filem antarabangsa dan filem yang dipilih untuk menyertai festival filem antarabangsa adalah seperti berikut:

BIL.	FESTIVAL FILEM	JUDUL FILEM	STATUS
1.	<b>ASEAN-ROK Cinema Week Jakarta, Indonesia</b>	i) The Kid From The Big Apple 2 Terbitan: Three Production	Penyertaan
2.	<b>TINGIN – South East Asia Through The Eyes of Cinema Mandaluyong City, Filipina</b>	i) Wayang Terbitan: UiTM & FINAS ii) Jagat Terbitan: Skyzen Studios Production	Penyertaan
3.	<b>10th Asia Pacific Screen Awards</b>	i) Adiwiraku Terbitan: Sol Pictures, Iceberg Design dan Filmecca Studios ii) Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior Terbitan: Tangan Seni iii) Upin Ipin Jeng Jeng Jeng Terbitan: Les' Copaque Production dan KRU Studios iv) You Mean The World To Me Terbitan: Astro Shaw	Penyertaan
4.	<b>ASEAN FILM AWARDS 2017 Danang, Vietnam</b>	i) Hanyut Terbitan: Tanah Licin	Penyertaan



## UNIT PROMOSI

PERKARA	MAKLUMAN
<b>Nama Bahagian/Unit</b>	<b>Unit Promosi</b>
<b>Objektif Bahagian/Unit</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Koordinator strategik kepada jaringan perhubungan antarabangsa FINAS dan industri melalui strategi penjenamaan, pelaburan, promosi dan pemasaran global.</li> <li>Koordinator strategik kepada jaringan promosi domestik FINAS melalui promosi organisasi dan industri.</li> <li>Koordinator kepada pembangunan penerbitan bahan kandungan industri dan knowledge integration oleh FINAS.</li> </ol>
<b>Fungsi Bahagian/Unit</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan dan penyelarasan program-program strategik di antara FINAS dan pihak KKMM, agensi dan industri.</li> <li>Pengurusan dan penyelarasan program-program pembangunan komuniti filem.</li> <li>Pengurusan dan penyelarasan program-program kesedaran (film awareness programme).</li> <li>Pengurusan dan penyelarasan program-program jemputan daripada pihak KKMM, agensi kerajaan dan industri.</li> </ol>

## SENARAI PROGRAM JANUARI HINGGA DISEMBER 2017

### PROGRAM MERAKYATKAN FILEM

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	CATATAN
1.	20 – 22 Januari 2017	Program Wayang Pacak sempena "Moh Ke Kuantan bagi Tahun Melawat Pahang".	Teluk Cempedak, Pahang	Selesai
2.	19 Februari 2017	Program merakyatkan filem "KL Gangster 2" sempena Marina Open Day	Marina, Putrajaya	Selesai
3.	28 Februari 2017	Program Wayang Pacak Filem "Ola Bola" sempena Gobok Wayang anjuran Institut Integriti Malaysia	Auditorium Integriti, Aras 2 Institut Integriti Malaysia Kuala Lumpur	Selesai
4.	4 Mac 2017	Program Wayang Pacak filem "Polis Evo"	Padang Awam Skim River, Tanjung Malim, Perak	Selesai
5.	17 Mac 2017	Program tayangan filem "Paloh" sempena "Who Wants To Remember A War"	Muzium Universiti Kebangsaan Singapura (NUS Singapura)	Selesai
6.	1–2 April 2017	Program Menghubung dan Menyatu (CTU) tayangan filem "Bravo 5"	Pondok Tanjung, Perak	Selesai
7.	21- 23 April 2017	Program Negaraku Malaysia : Komunikasi 1 Malaysia Peringkat Negeri Kelantan 2017 dan Program Menghubung & Menyatu KKMM Tayangan filem "Bravo 5"	Bukit Bunga, Jeli dan Sekolah Kebangsaan Kalai, Jeli, Kelantan	Selesai
8.	27 Oktober 2017	Program merapatkan hubungan antara pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti	Sekolah Kebangsaan KLIA, Sepang	Selesai
9.	14 November 2017	Lawatan Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Muallim Perak Darul Ridzuan Filem Adiwiraku	Panggung 1, FINAS Petaling Jaya	Selesai
10.	28- 31 Disember 2017	Festival Light Motion Putrajaya 2017 (LAMPU 2017) Filem JRevolusi & Kanang Anak Langkau	Dataran Gemilang Presint 2, Putrajaya	Selesai
11.	31 Disember 2017	Wayang Pacak Filem Adiwiraku sempena Sambutan Tahun Baru 2018 di UPSI	1MYC Food Truck Hot Spot, UPSI PERAK	Selesai

### PAMERAN

BIL	TARIKH	PROGRAM	TEMPAT	CATATAN
1.	23 – 26 Feb 2017	Program Negaraku : Komuniti 1Malaysia	Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang	Selesai
2.	18 Mac 2017	Program Ekspresi Negaraku	Dataran Putrajaya	Selesai
3.	24 – 26 Mac 2017	Program pameran Jelajah Promosi (KL Wangan Road Tour)	RnR Edl Pandan, Johor Bahru	Selesai
4.	1 – 2 April 2017	Pameran Menghubung dan Menyatu (CTU)	Bukit Merah dan Kampung Pondok Tanjung, Perak	Selesai
5.	8 April 2017	Program Ekspresi Negaraku	Sungai Petani, Kedah	Selesai
6.	14 – 16 April 2017	Program Ekspresi Negaraku	Kuala Kangsar, Perak	Selesai
7.	3 Mei 2017	Program Pendidikan dan Pencegahan	UPM, Serdang	Selesai
8.	4 – 6 Mei 2017	ASEAN International Film Festival & Awards (AiFFA)	Kuching, Sarawak	Selesai
9.	7 Mei 2017	Program Ekspresi Negaraku	Sandakan, Sabah	Selesai
10.	13 Mei 2017	Program Ekspresi Negaraku	Pasir Puteh, Kelantan	Selesai
11.	19 – 21 Mei 2017	Program Kreativiti @ Komuniti	IKBN, Kuala Langat, Selangor	Selesai
12.	15-16 Julai 2017	Program Kanival Negaraku Sehati Sejiwa & Hari Raya Japerun Machap	Padang Felda Tun Ghafar Percha, Machap, Melaka	Selesai
13.	28-30 Julai 2017	Program MyMerdeka@60 Usj	Mydin USJ 1, Subang Jaya	Selesai
14.	7-8 Ogos 2017	Pameran Caring Bridge Negaraku : Sehati Sejiwa Batu Pahat	Stadium Batu Pahat, Johor	Selesai
15.	11- 13 Ogos 2017	Program MyMerdeka @60 Zon Utara Bukit Mertajam	Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Selesai

16.	17-19 Ogos 2017	<b>MyMerdeka@60 Zon Pantai Timur, Gong Badak</b>	Mydin Gong Badak, Terengganu	<b>Selesai</b>
17	19- 30 Ogos 2017	<b>Pameran Sempena SEA Games Empire City</b>	Empire City, Damansara	<b>Selesai</b>
18.	8- 10 September 2017	<b>Program MyMerdeka@60 Zon Selatan, Melaka 2017</b>	Mydin MITC, Melaka	<b>Selesai</b>
19.	9- 10 September 2017	<b>Program Hari UNESCO 2017</b>	Pekan Kundasang, Sabah	<b>Selesai</b>
20.	15- 17 September 2017	<b>Program MyMerdeka@60 Utara</b>	Mydin Meru, Perak	<b>Selesai</b>
21.	15- 17 September 2017	<b>Program Negaraku Sehati Sejawa dan Majlis Pelancaran Hari Malaysia 2017</b>	Kompleks Sukan Likas, Kota Kinabalu	<b>Selesai</b>
22.	14 Oktober 2017	<b>Program Ekspresi Negaraku, Terengganu</b>	Dataran Dewan Merdeka, Dungun, Terengganu	<b>Selesai</b>
23.	28 Oktober 2017	<b>Program Ekspresi Negaraku, Bentong</b>	Dataran Bentong, Pahang	<b>BATAL</b>
24.	5 November 2017	<b>Program Ekspresi Negaraku, Sarawak</b>	Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak	<b>Selesai</b>
25.	18 November 2017	<b>Program Ekspresi Negaraku</b>	Dataran Penggaram, Batu Pahat, Johor	<b>BATAL</b>
26.	24-26 November 2017	<b>Program 1Malaysia Negaraku: Pameran Caring Bridge</b>	Padang Bolasepak Perumahan Awam Seri Johor, Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur	<b>Selesai</b>
27.	4 - 5 Disember 2017	<b>Pameran China Arts &amp; Cultural 3D Dan CMT Visual Arts 2017</b>	Dewan Sri Budiman (DSB) & Anjung Sri Budiman UiTM Shah Alam, Selangor	<b>Selesai</b>
28.	4- 9 Disember 2017	<b>Pameran Sempena Perhimpunan Agung Umno 2017 (PAU 2017)</b>	Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), KL	<b>Selesai</b>

### KELAB PENCINTA FILEM

BIL	TARIKH	TAJUK	TEMPAT	REMARK
1.	4 – 5 Februari 2017	<b>Program Jelajah Pencinta Filem Siri 1/2017</b>	- S.M.K Tun Tuah, Melaka - S.M.K Pekan Baru, Muar, Johor	<b>Selesai</b>
2.	14 – 15 Mac 2017	<b>Majlis Taklimat peluang – peluang pekerjaan dalam bidang kandungan kreatif dan program Kelab Pencinta Filem di Kolej Yayasan Melaka, SMK Seri Tanjung &amp; SMK Sg. Udang</b>	- Dewan Seri Negeri, Blok Bendahara,Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer, Melaka	<b>Selesai</b>
3.	26 Mac 2017	<b>Jelajah Kelab Pencinta Filem SMK Pekan Baru Muar, Johor</b>	- SMK Pekan Baru, Muar, Johor	<b>Selesai</b>

### PENGHANTARAN FILEM KE FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

BIL	TARIKH	PROGRAM	JUDUL FILEM	REMARK
1.	22 Februari 2017	<b>Festival Filem ASEAN di Berlin</b>	- Lelaki Harapan Dunia - The Journey - Bunohan - Bravo - Michelle Yeoh (Among The Great Apes) - Smart Tunnel - Supermokh	<b>Selesai</b>
2.	29 Mac 2017	<b>Fantastic Zagreb Film Festival Croatia</b>	- Lelaki Harapan Dunia - The Journey - Polis Evo - Boboboy The Movie	<b>Selesai</b>

## PENGHANTARAN FILEM KE FESTIVAL FILEM ANTARABANGSA

3.	17 April 2017	<b>Festival Malaysia @ Taman/ Malaysia Fest@the aarden di Paris</b>	- Lelaki Harapan Dunia - The Journey - Polis Evo	Selesai
4.	22 Mei 2017	<b>Festival Filem ASEAN, The Hague 2- 4 November 2017</b>	- Kanang Anak Langkau The Iban Warrior - Cun	Selesai
5.	15 Julai 2017	<b>Asean India Film Festival 1- 5 September 2017</b>	- Mirip	Belum Selesai
6.	15 Julai 2017	<b>ASEAN Festival Film Malaysia di Bahrain</b>	- Adiwiraku The Movie	Belum Selesai
7.	15 Julai 2017	<b>ASEAN Festival Film London</b>	- Ola bola	Belum Selesai
8.	29 Julai 2017	<b>ASEAN Festival Film Paris, Perancis</b>	- Hati Malaya 1957	Selesai
9.	September 2017	<b>Tayangan Filem Malaysia di Azerbaijan Baku</b>	- Redha	Program batal (Hak tayangan sudah diluluskan)
10.	Disember 2017	<b>ASEAN FILM FESTIVAL GOA, INDIA 4-9 Februari 2018</b>	- Kanang Anak Langkau The Iban Warrior - Redha - 1957 Hati Malaya	Tarikh program ditunda kepada 23 - 28 Februari 2018

## PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) DAN PENCAPAIAN SEPANJANG TAHUN 2017

BAHAGIAN / UNIT PELAKSANA	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN SEBENAR 2017 (JAN - DISEMBER)	SASARAN 2017	SASARAN 2018
UNIT PROMOSI	Pengurusan program-program pameran interaktif anjuran KKMM, agensi kerajaan dan pihak industri	<80%	85%	90%<	95%< ST	25 Penglibatan program-program pameran interaktif	10 Penglibatan program-program pameran interaktif	15 Penglibatan program-program pameran interaktif
	Pengurusan program-program pembangunan komuniti filem; Kelab Pencinta Filem	BT				3 program pembangunan komuniti filem * Aktiviti KPF dibekukan tiada peruntukan mengurus	10 Penglibatan program-program pembangunan komuniti filem; Kelab Pencinta Filem	10 Penglibatan program-program pembangunan komuniti filem; Kelab Pencinta Filem
	Pengurusan program-program tayangan filem anjuran KKMM, agensi kerajaan dan pihak industri			OT		10 sesi tayangan filem dalam Negara 5 sesi tayangan filem luar Negara	10 Penglibatan program-program tayangan filem anjuran KKMM / FINAS	12 Penglibatan program-program tayangan filem dalam Negara 6 sesi tayangan filem luar Negara



Merakyatkan filem / program wayang pacak sempena “Marina Open Day” Filem KL Gangster 2 di Marina, Putrajaya pada 19 Februari 2017.



Program Negaraku Malaysia: Komunikasi 1Malaysia Peringkat Negeri Kelantan dan Program Menghubung dan Menyatu KKMM Kg Bukit Bunga Jeli dan SK Kalai, Jeli Kelantan pada 21 – 23 April 2017.



Program merapatkan hubungan antara pihak sekolah, ibubapa dan komuniti. Sekolah kebangsaan KLIA, Sepang pada 27 Oktober 2017.



Sambutan Tahun Baru 2018 di UPSI. 1MYC Food Truck Hotspot, UPSI Perak, pada 31 Disember 2017.



Lawatan rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Muallim, Perak, FINAS Petaling Jaya, pada 14 November 2017.



Komuniti 1Malaysia, Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang, pada 23 – 26 Februari 2017.



Program Ekspresi Negaraku, Dataran Putrajaya, pada 18 Mac 2017.



ASEAN International Film Festival & Awards (AIFFA), Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 4 – 6 Mei 2017.



Program Karnival Negaraku Sehati Sejiwa & Hari Raya JAPERUN Machap, Padang Felda Tun Ghafar Percha, Machap Melaka pada 15 – 16 Mei 2017.



Program MyMerdeka @60 Zon Utara, Mydin Meru Perak pada 15 – 17 September 2017.



Program 1Malaysia Negaraku : Pameran Caring Bridge, Padang Bola Sepak Perumahan Awam Sri Johor, Bandar Tun Razak Cheras, Kuala Lumpur pada 24 – 26 November 2017.



Pameran sempena Perhimpunan Agung Umno 2017 (PAU 2017), Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 4 – 5 Disember 2017.

## UNIT PENERBITAN

### OBJEKTIF BAHAGIAN DAN UNIT

Menguruskan penerbitan buku-buku terbitan FINAS, bahan-bahan penerbitan dan editorial. Pengurusan dan penyelarasan penerbitan buku-buku dan majalah Sinema Malaysia terbitan dalaman FINAS, penerbitan bahan-bahan bercetak seperti laporan tahunan, brosur, poster, pamphlet, borang, kad jemputan dan lain-lain bahan penerbitan yang berkaitan dengan program / acara / majlis rasmi anjuran FINAS. Membantu, mengurus dan menyelaras jualan, pameran dan promosi buku-buku terbitan FINAS. Pengurusan editorial bagi buku-buku dan majalah terbitan FINAS.

### UNIT PENERBITAN

Unit Penerbitan bertanggungjawab terhadap sebarang kerja menerbitkan bahan rasmi FINAS seperti produk ilmiah dan biografi tokoh perfilman tanah air, selain berperanan dalam menguruskan manuskrip buku dan menjalankan fungsi editorial. Ia juga terlibat dalam aktiviti promosi dan jualan bahan terbitan FINAS menerusi program pameran strategik industri kreatif selain menyertai penganjuran pesta buku di dalam negara. Khidmat percetakan dan rekabentuk oleh unit ini adalah merangkumi bahan seperti:

- Brosur
- Bunting
- Banner
- Poster
- Majalah Sinema Malaysia
- Buku Laporan Tahunan

Antara rekabentuk dan cetakan bahan promosi yang dihasilkan oleh Unit Penerbitan bagi program anjuran FINAS:

#### PENERBITAN BUKU CENDERAHATI FFM29



Terdapat 162 halaman, penerbitan buku cenderahati sempena Festival Filem Malaysia ke 29 (FFM29) ini telah memaparkan tema 'Transformasi Citra Karya' dengan meraikan pelbagai segmen eksklusif evolusi sinema yang gah mencecah usia 84 tahun. Pembaca berpeluang melayari slot terbaik senarai pencalonan FFM29 dan sorotan Memori FFM1 – FFM28.



Buku Program



#### BAHAN-BAHAN PENERBITAN LAIN

Unit Penerbitan juga terlibat dalam jawatankuasa bagi program-program anjuran FINAS. Bahan-bahan penerbitan yang telah dilaksanakan oleh unit ini antaranya :

- Kad dan Sampul Hari Raya Aidilfitri
- Kalendar

#### PENGURUSAN MANUSKRIPT

<b>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Pencapaian Sepanjang Tahun</b>		<p>KPI: 100 buah liputan.      Pencapaian: 209 buah liputan.</p>



Penggambaran PSA “Cetak Rompak”.



Penggambaran promo “Hari Raya Aidilfitri 2017”.



Penggambaran promo “Yang Sebenarnya”.



Liputan dokumentasi di program “Dialog TN50” bersama penggiat seni.



Perarakan Kontinjen Animasi di Sambutan Hari Kebangsaan 2017.



Liputan dokumentasi Istiadat Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong XV.



Penggambaran dokumentari khas “Istiadat Pertabalan Yang Di-Pertuan Agong XV”.



Penggambaran video pendek “NBOS”.



## BAHAGIAN TEKNOLOGI AUDIO VISUAL

137

PERKARA	MAKLUMAN
<b>Nama Bahagian/Unit</b>	<b>Unit Teknologi Fasiliti/Unit Penyeliaan Studio</b>
<b>Objektif Bahagian/Unit</b>	<p>1. Menyokong dan membantu FINAS dalam menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perfilman Malaysia melalui teknologi audio visual.</p>
<b>Fungsi Bahagian/Unit</b>	<p>1. Merancang, mengawal, menyelia, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja teknikal yang berkaitan teknologi pengedaran bahan kandungan perfilman, promo dan dokumentari FINAS ke pelbagai skrin paparan.</p> <p>2. Menilai dan menganalisa inovasi teknikal terkini yang berpotensi serta memperoleh dana bagi tujuan menambah baik teknologi audio visual dan prosedur kerja sedia ada.</p> <p>3. Mengurus, mengawal dan menyelaras sumber kewangan bahagian dengan cekap dan teratur supaya selaras dengan peraturan-peraturan kewangan kerajaan.</p> <p>4. Merancang, mengawal, menyelia, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja teknikal melibatkan teknologi audio visual berkaitan produksi, pasca-produksi, restorasi dan preservasi di FINAS Petaling Jaya serta FINAS Hulu Kelang.</p> <p>5. Merancang, mengawal, menyelia, menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja teknikal audiovisual yang berkaitan dengan studio, <i>multi-camera production</i>, <i>public address system</i>, panggung, pawagam serta bilik mesyuarat di FINAS Petaling Jaya serta FINAS Hulu Kelang.</p>
	<p><b>UNIT FASILITI PRODUKSI</b></p> <p>1. Unit Fasiliti Produksi (UFP) telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan pusat simpanan koleksi FINAS dari tahun 1941 hingga sekarang dalam bentuk digital. Pelanggan boleh menonton koleksi tersebut menerusi terminal yang disediakan di Mediatheque. Koleksi ini asalnya dalam bentuk filem 35mm dan 16mm serta pita rakaman pelbagai format. Komponen-komponen penting dalam menjayakan projek ini adalah pengurusan server video, pengimbasan bahan filem, pemantauan operasi, penyediaan proxy bahan video serta pengkayaan metadata.</p> <p>2. Selain dari itu, unit ini memberi khidmat alihan bahan rakaman dari pelbagai format untuk tujuan suntingan Bahagian Produksi FINAS serta tontonan pelanggan melalui terminal yang disediakan oleh Unit Mediatheque FINAS.</p> <p>3. Mempercepatkan kerja-kerja trancoding bahan digital kepada proxy file melalui penambahan satu unit <i>Light Speed Transcoder</i> bagi Sistem E-Heritage.</p> <p>4. Memastikan koleksi bahan simpanan FINAS terpelihara melalui penambahbaikan sistem penyejuk kering bangunan filem vault baru aras 2 di FINAS Petaling Jaya.</p> <p>5. Menyediakan keperluan ruang bagi tujuan pelaksanaan aktiviti dan program <i>Center Of Excellence</i> (COE) FINAS Petaling Jaya.</p>
	<p><b>UNIT TEKNOLOGI FASILITI</b></p> <p>1. Unit Teknologi Fasiliti (UTF) telah dipertanggungjawabkan sebagai urusetia jawatankuasa pemandu projek serta bantuan teknikal berhubung Projek pembangunan COE. Selain daripada itu UTF juga telah diberi tanggungjawab sebagai urusetia jawatankuasa pemandu projek pembangunan Ibu Pejabat FINAS Sg. Buloh dalam menguruskan mesyuarat dan status pelaksanaan projek.</p> <p>2. Memperkemaskan tadbir urus Projek Pembangunan Center of Excellence (COE) melalui sesi retreat bagi penyediaan proses kerja, keperluan peralatan, pecahan peruntukan, dan kaedah pelaksanaan projek COE bagi tahun 2018.</p> <p>3. Bahagian Teknologi Audio Visual telah mengadakan sesi retreat bagi menambahbaik kadar harga sewaan peralatan dan perkhidmatan produksi serta bahan kandungan kreatif FINAS bagi tahun 2018 dan disertai oleh Bahagian Pembangunan Industri, Bahagian Produksi, Bahagian Makmal, Bahagian Pemasaran serta Unit Mediatheque.</p>
<b>Senarai Program/Projek Utama Sepanjang Tahun</b>	<p><b>UNIT PENYELIAAN STUDIO</b></p> <p>1. Unit Penyeliaan Studio telah menyokong 531 aktiviti FINAS sepanjang tahun 2017 dengan menjalankan kerja-kerja teknikal dan pengoperasian sistem siaraya, <i>System Multi Camera Production (MCP)</i> dan sistem audio visual yang digunakan dalam aktiviti dan lawatan, Studio Sound Stage PJ ,Studio Sound Stage UK, Studio Ho Ah Loke, Studio L Krishnan, Pawagam Mini P Ramlee UK, Panggung 1 PJ, Panggung 2 PJ, Bilik Mesyuarat PJ, Bilik Perbincangan PJ, Dewan Samad Idris UK, Bilik Mesyuarat H.M. Shah UK, Bilik Mesyuarat FINASPOST UK, Bilik Mesyuarat Mixstage UK, Dataran Karyawan UK, wayang pacak, Festival Filem Malaysia serta majlis anjuran FINAS dan KKMM.</p>


PERKARA	MAKLUMAN																												
<b>Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Pencapaian Sepanjang Tahun</b>	<p><b>UNIT FASILITI PRODUKSI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sejumlah 250 jam jumlah kandungan bahan digital telah di arkib ke dalam sistem E-Heritage.</li> <li>168 judul bahan pelbagai fomat alihan bahan dilaksanakan sepanjang tahun untuk kegunaan aktiviti FINAS sepanjang tahun 2017.</li> <li>Sebanyak 115 judul bahan telah diselia melalui sistem kawalan mutu sebelum edaran untuk siaran televisyen RTM, Media Prima, Al-Hijrah, dan Astro.</li> </ol> <p><b>UNIT TEKNOLOGI FASILITI</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memaksimumkan impak projek pembangunan COE menggunakan peruntukan yang ditetapkan bagi tahun 2017. Sejumlah 97.5 % daripada jumlah peruntukan telah digunakan bagi tujuan menjayakan projek COE.</li> <li>Memastikan projek pembangunan ibu pejabat FINAS dapat disiapkan mengikut jadual kemajuan kerja yang ditetapkan. Projek sedang berada pada fasa memperoleh kelulusan kebenaran merancang daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).</li> <li>Menyebarkan dua lokasi baharu bagi bahan kandungan PSA terbitan FINAS bagi tujuan hebahan di peringkat Kementerian, Agensi, GLC dan semua bentuk paparan digital iaitu di KKMM dan kemudahan oleh pihak Prasarana yang meliputi MRT,LRT,MONORAIL dan bas.</li> </ol> <p><b>UNIT PENYELIAAN STUDIO</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Unit Penyeliaan Studio telah berjaya menyokong dan membantu 531 aktiviti FINAS dalam bentuk bantuan teknikal serta pengoperasian sistem audio visual sepanjang tahun 2017.</li> </ol>																												
<b>Data &amp; Statistik Melibatkan Pencapaian Program/Projek</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Petunjuk prestasi bagi Projek Pembangunan <i>Center Of Excellence</i> (COE)</li> </ol>																												
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANAAN</th><th>PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)</th><th>BT</th><th>OT</th><th>ET</th><th>ST</th><th>PENCAPAIAN SEBENAR 2017 (JAN-DISEMBER)</th><th>SASARAN 2017</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">Projek Center of Excellence FINAS PJ</td><td>Penerbitan dokumentari PSA, promo dan liputan arkib berkualiti HD (Produksi)</td><td>&lt;80%</td><td>85%</td><td>90%&lt;</td><td>95%&lt;</td><td>Dokumentari = 9 jam Liputan arkib = 120 jam Promo = 1 jam Jumlah = 130 jam</td><td rowspan="3">200 jam</td></tr> <tr> <td>Bilangan pengunjung (Mediatheque &amp; MOMI)</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>12,139 Pengunjung</td></tr> <tr> <td>Bilangan jam pendigitalan bahan (E-Heritage)</td><td></td><td></td><td></td><td></td><td>Alihan digital : 230 jam Produksi : 40 jam 36 minit 42 saat Restorasi : 28 jam 24 minit</td></tr> </tbody> </table>	BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN SEBENAR 2017 (JAN-DISEMBER)	SASARAN 2017	Projek Center of Excellence FINAS PJ	Penerbitan dokumentari PSA, promo dan liputan arkib berkualiti HD (Produksi)	<80%	85%	90%<	95%<	Dokumentari = 9 jam Liputan arkib = 120 jam Promo = 1 jam Jumlah = 130 jam	200 jam	Bilangan pengunjung (Mediatheque & MOMI)					12,139 Pengunjung	Bilangan jam pendigitalan bahan (E-Heritage)					Alihan digital : 230 jam Produksi : 40 jam 36 minit 42 saat Restorasi : 28 jam 24 minit
BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANAAN	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)	BT	OT	ET	ST	PENCAPAIAN SEBENAR 2017 (JAN-DISEMBER)	SASARAN 2017																						
Projek Center of Excellence FINAS PJ	Penerbitan dokumentari PSA, promo dan liputan arkib berkualiti HD (Produksi)	<80%	85%	90%<	95%<	Dokumentari = 9 jam Liputan arkib = 120 jam Promo = 1 jam Jumlah = 130 jam	200 jam																						
	Bilangan pengunjung (Mediatheque & MOMI)					12,139 Pengunjung																							
	Bilangan jam pendigitalan bahan (E-Heritage)					Alihan digital : 230 jam Produksi : 40 jam 36 minit 42 saat Restorasi : 28 jam 24 minit																							

PERKARA	MAKLUMAN
<b>Data &amp; Statistik Melibatkan Pencapaian Program/Projek</b>	<p>2. Sejumlah 1800 proxy file telah diwujudkan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Data statistik bagi alihan bahan kandungan digital FINAS.</li> <li>b) Sejumlah 37 unit LTO 6 merangkumi 420 judul telah diwujudkan.</li> <li>c) Sejumlah 168 judul telah dialihkan ke pelbagai format.</li> </ul> <p>3. 115 judul telah berjaya menjalani proses analisa dan pemeriksaaan kawalan mutu bahan kandungan bagi tujuan simpanan arkib dan edaran.</p> <p>4. Data statistik bagi program dan aktiviti yang menggunakan perkhidmatan dan bantuan teknikal BTAV.</p> <p>5. Unit Penyeliaan Studio telah berjaya menyokong dan membantu 531 aktiviti FINAS dalam bentuk bantuan teknikal serta pengoperasian sistem audio visual sepanjang tahun 2017.</p> <p>6. Memberi perkhidmatan teknikal termasuklah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Studio Sound Stage Petaling Jaya</li> <li>b) Studio Sound Stage Hulu Kelang</li> <li>c) Studio Ho Ah Loke</li> <li>d) Studio L Krishnan</li> <li>e) Pawagam Mini P Ramlee Hulu Kelang</li> <li>f) Panggung 1 Petaling Jaya</li> <li>g) Panggung 2 Petaling Jaya</li> <li>h) Bilik Mesyuarat Petaling Jaya</li> <li>i) Bilik Perbincangan Petaling Jaya</li> <li>j) Dewan Samad Idris Hulu Kelang</li> <li>k) Bilik mesyuarat HM Shah Hulu Kelang</li> <li>l) Bilik mesyuarat FINASPOST Hulu Kelang</li> <li>m) Bilik mesyuarat Mixstage Hulu Kelang</li> <li>n) Dataran Karyawan Hulu Kelang</li> <li>o) Wayang Pacak</li> <li>p) Lawatan</li> <li>q) Pameran</li> </ul>

## UNIT FASILITI PRODUKSI



Sebutharga perkhidmatan membekal, memasang dan menyediakan keperluan teknikal bagi ruangan perlaksanaan aktiviti dan program *Center Of Excellence* FINAS, Petaling Jaya.



Sistem restorasi digital dan peralatan sokongan E-Heritage bagi *Center Of Excellence* di FINAS Petaling Jaya.

## UNIT TEKNOLOGI FASILITI



Projek Pembangunan Kompleks Ibu Pejabat FINAS di Damansara Damai, Sungai Buloh.



Sesi Retreat Kadar Harga Baru Bagi Sewaan Peralatan dan Perkhidmatan Produksi Serta Bahan Kandungan Kreatif FINAS Bagi Tahun 2018.



Sesi Retreat Bagi Penyediaan Proses Kerja, Keperluan Peralatan, Pecahan Peruntukan, dan Kaedah Pelaksanaan Projek COE Bagi Tahun 2018.

141

## UNIT PENYELIAAN STUDIO



Program Mickey Mouse di Studio Sound Stage FINAS, Petaling Jaya.



Pesta Kuih Bulan Slim River Anjuran JKJK Kg Baru Slim River, Ahli Majlis MDTM Bersama MCA Bahagian Tg.Malim.



Program Imbas Kembali sempena Festival Filem Malaysia ke-29.



Aktiviti Wayang Pacak di SK KLIA.



Aktiviti Wayang Pacak Sempena Sambutan Ambang Tahun Baru 2018 di UPSI Tg. Malim.



Aktiviti Wayang Pacak Dan Tayangan Bersempena Program Road to Merdeka di Carcosa Seri Negara, Kuala Lumpur yang berlangsung selama sebulan (Sabtu sahaja).





## BAHAGIAN PENGURUSAN PRODUKSI

143

## UNIT CONTENT MALAYSIA PITCHING CENTRE

Content Malaysia Pitching Centre (CMPC) adalah satu inisiatif yang ditubuhkan untuk membantu pembikin dan penerbit untuk menghasilkan karya yang baik dan mempunyai nilai-nilai hiburan yang memenuhi kehendak pasaran. Untuk mencapai matlamat ini, Malaysia seharusnya mempunyai barisan penulis skrip dan penerbit yang berkualiti serta setanding dengan karya diperingkat antarabangsa.

Bagi membentuk dan melahirkan ramai penulis dan penerbit yang berkualiti serta mampu bersaing di peringkat antarabangsa, CMPC menyediakan pelbagai program seperti bengkel dan kelas pengukuhan modal insan, acara-acara komuniti dan industri, perkongsian idea dan akses kepada pasaran tempatan mahupun antarabangsa.

Matlamat CMPC adalah supaya industri kreatif negara diterajui oleh penulis-penulis skrip dan penerbit-penerbit yang terbaik bagi menghasilkan karya yang menarik dan menghiburkan, serta menepati kehendak pasaran.

CMPC juga berperanan menghimpunkan golongan berpemikiran kreatif untuk mereka menjalin kerjasama dan meningkatkan produktiviti. Menyediakan ruang untuk tujuan mesyuarat, perjumpaan sosial dan acara-acara menarik dengan kemudahan fasiliti CMPC.

### Bilangan Projek Diluluskan (2015-2017)

	2015	2016	2017	JUMLAH
<b>JENIS DANA :</b>				
- Micro	46	111	5	<b>162</b>
- Development	39	50	44	133
- Production	10	48	69	127
- Co-Production	1	2	1	4
- Marketing	5	7	16	28
- PSA	0	9	5	14
- CIP Fund	-	-	2	2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>101</b>	<b>227</b>	<b>142</b>	<b>470</b>
<b>KATEGORI :</b>				
- Filem Cerea	38	59	73	170
- TV Siri	4	5	23	32
- Dokumentari	5	26	22	53
- Filem Pendek	2	4	1	7
- Animasi	5	9	5	19
- Digital Games	1	2	3	6
- Digital Music	0	1	2	3
- Virtual Augmented Reality	0	1	1	2
- Micro Content	46	111	5	162
- PSA	0	9	5	14
- CIP	-	-	2	2
<b>BILANGAN PELUANG PEKERJAAN</b>	<b>1496</b>	<b>5227</b>	<b>9560</b>	<b>16283</b>

### SENARAI AKTIVITI UNIT CONTENT MALAYSIA PITCHING CENTRE:

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENGANJUR
1.	<b>TAYANGAN CINTA SETAMAN</b>	6 JANUARI 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
2.	<b>JAPANESE SCREENING</b>	7 JANUARI 2017	JAPAN FOUNDATION KUALA LIMPUR
3.	<b>PPFIM INDUSTRY EVENT</b>	9 JANUARI 2017	PPFIM
4.	<b>GOLDEN AWARDS PRESS CONFERENCE</b>	10 JANUARI 2017	FINAS
5.	<b>ECEOS TOWNHALL 2017</b>	12 JANUARI 2017	MDEC
6.	<b>MY DOCS WORKSHOP</b>	14 & 15 JANUARI 2017	MYDOCS
7.	<b>FILM STARS AWARD NIGHT</b>	19 JANUARI 2017	FILM STARS PRODUCTION
8.	<b>DEKO MDEC</b>	24 JANUARI 2017	MDEC

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENGANJUR
9.	MICROSOFT VALUE PROPOSITION TO BIDA COMPANIES – UPSKILL PROGRAM	7 FEBRUARI 2017	MDEC
10.	MAJLIS PELANCARAN SALURAN PLAYBOX DI HYPP TV	16 FEBRUARI 2017	KRU STUDIO
11.	SCREENING WONDERFUL HOMETOWN 2007(THAILAND)	17 FEBRUARI 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
12.	AUDITION FILM CEREKA ‘MENENTANG ADAT’	17 FEBRUARI 2017	MALAYA UNITED FILMS
13.	WORKSHOP ACTING SKILLS FOR MOVIE ‘THIRUMPI PAKATHEY’	18 FEBRUARI 2017	A TO Z ENTERTAINMENT S/B
14.	MARATHON SHORT FILM	20 FEBRUARI 2017	KINOVISUALS
15.	MALAYSIA INTERNATIONAL FILM FESTIVAL & MALAYSIA GOLDEN GLOBE AWARDS	1-3 MARCH 2017	FINAS
16.	PETTING ZOO SCREENING ( USA)	10 MARCH 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
17.	GLOBAL TRANSFORMATION FORUM 2017	16 MARCH 2017	PEMANDU
18.	NEW URBAN AGENDA (NUA) AND SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG)	16 MARCH 2017	EASTERN REGIONAL ORGANIZATION FOR PLANNING & HUMAN SETTLEMENT (EAROPAH)
19.	TRAINING-RELATIONSHIP SELLING	17 MARCH 2017	THE ECEOS SDN.BHD
20.	PERJUMPAAN WARTAWAN / PRESS MEET PROJEK “TRISHAKTI”	20 MARCH 2017	PERTUBUHAN SENI PERSEMBAHAN MALAYSIA (ASTANA)
21.	QWORK EMPLOYER BUSINESS NETWORKING	22 MARCH 2017	QWORK MALAYSIA
22.	TOMBIRUO PRIVATE SCREENING	23 MARCH 2017	IDEATE MEDIA SDN BHD
23.	SPRING IN A SMALL TOWN (CHINA)	24 MARCH 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
24.	INDONESIAN FILM SCREENING	29 MARCH 2017	KEDUTAAN BESAR REPUBLIK INDONESIA, KL
25.	TJOET NJA DHIEN SCREENING (INDONESIA)	7 APRIL 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
26.	TALK SESSION REGARDING FELDA	12 APRIL 2017	FELDA
27.	TAMIL SHORT FILM PRESENTATION	14 APRIL 2017	DREAM PIX MEDIA SDN BHD
28.	PPFIM ANNUAL GENERAL MEETING 2017	17 APRIL 2017	MACCOMM SERVICES SDN BHD
29.	INFO SHARING SESSION WITH CROWDO	18 APRIL 2017	MDEC & CROWDO
30.	MASTERCLASS & SCREENING OF ‘AERIAL MALAYSIA’	20 APRIL 2017	MYDOCS
31.	RETROSPEKTIF BINFILEM ‘ MONOKROM’ SCREENING (MALAYSIA)	21 APRIL 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
32.	SEMINAR OSH FOR DOSH & CIDB	25 & 26 APRIL 2017	BOSH TRAINING & CONSULTANCY SDN BHD
33.	RIM TOWNHALL : MEETING OF THE MINDS	4 MEI 2017	RIM
34.	SAMURAI HUSTLE SCREENING	5 MEI 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
35.	MRS K MOVIE SCREENING	8 MEI 2017	RED FILMS SDN. BHD.
36.	LAUNCH OF MUSIC VIDEO “WIFEY EN GULFIE”	12 MEI 2017	DREAMSKY HOME PRODUCTION SDN. BHD.
37.	SOFT LAUNCHING OF FILM ‘MAKRIFAT CINTA’	15 MEI 2017	DHANANWOODD FILMS SDN.BHD
38.	MAJLIS PELANCARAN FILEM 1875	16 MEI 2017	FINAS
39.	SCREENING OF THE FILM MAH LIAN HOTEL	17 MEI 2017	LOONG WAH (INDIVIDU)
40.	MENEROKA MAKNA FILEM	19 MEI 2017	FDAM
41.	RE-ENACTMENT MASTERCLASS & DOCUMENTARY FILM SCREENING OF ‘ROAD TO NATIONHOOD’	24 & 25 MEI 2017	MYDOCS
42.	PELANCARAN DAN TAYANAGAN DOKUMENTARI “WIRA”	8 JUN 2017	KELEMBAI STUDIOS (M) SDN. BHD.

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PENGANJUR
43.	INTERNATIONAL STORYTELLING/SCRIPTWRITING WORKSHOP	14-16 JUN 2017	UNIVERSITY OF CENTRAL LANCASHIRE (DR.NICO)
44.	FILEM TESIS PELAJAR UNIVERSITI COLUMBIA DI BANDARAYA NEW YORK	12 JULAI 2017	UNITI FILMS SDN. BHD.
45.	LIMKOKWING DEGREE IN FILM & TV FINAL FILMS SCREENING	14 JULAI 2017	LIMKOKWING STUDENT
46.	SCREENING MARY IS HAPPY, MARY IS HAPPY (THAILAND)	14 JULAI 2017	KELAB SENI FILEM (KSF)
47.	CROSSING BORDERS WORKSHOP #1	18 – 22 JULAI 2017	MYDOCS
48.	DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)	29 JULAI 2017	ALUMNI PEMANAS



Bengkel MyDocs.



Sesi Taklimat Berkenaan FELDA.



*Malaysia International Film Festival & Malaysia Golden Globe Awards*



Majlis Pelancaran saluran  
Playbox di Hypp TV.



Rim Townhall : Meeting Of The Minds.



Pelancaran Music video  
“Wifey En Gulfie”.



Majlis Pelancaran Filem ‘Makrifat Cinta’.



Majlis Pelancaran Filem 1875.



Meneroka Makna Filem.



*Re-enactment masterclass & documentary film screening of  
‘Road to Nationhood’.*



## BAHAGIAN MAKMAL

147

## OBJEKTIF

Mendokumentasi, memelihara dan memulihara kandungan audio visual bagi tujuan pengarkiban supaya iaanya sentiasa boleh diakses.

### MISI

Teras misi Bahagian Makmal ialah :

1. Menyediakan perkhidmatan preservasi kandungan audio visual mengikut piawaian antarabangsa.
2. Memelihara dan memulihara kandungan audio visual sepanjang zaman.
3. Memastikan khazanah kandungan audio visual sentiasa tersedia dalam format terkini serta mampu diakses.
4. Menjadi sumber rujukan utama bagi kandungan audio visual negara.

## UNIT PENGURUSAN ARKIB

Unit ini berperanan dalam menguruskan dan mendokumentasi koleksi audio visual atau bahan arkib dari dalam dan luar negara serta memastikan data maklumat sahih dan boleh diakses secara terkawal. Selain itu, beberapa aktiviti telah dilaksanakan untuk memberi kesedaran dan menggalakkan amalan pemeliharaan kandungan audio visual. Melalui kolaborasi dengan badan-badan kerajaan, Bahagian Makmal bekerjasama dan berkongsi kemahiran serta kepakaran masing-masing dalam mengendalikan bahan audio visual untuk menghasilkan impak yang terbaik dalam memelihara khazanah negara.

Unit ini juga bertanggungjawab dalam aktiviti pengumpulan, pendokumentasian dan penyimpanan bahan khazanah yang mempunyai nilai sejarah, komersil dan bernilai estetika kepada industri kandungan kreatif. Aktiviti ini mampu memberikan impak yang positif dalam memelihara karya seni anak tempatan agar sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Justeru, beberapa program telah dilaksanakan untuk mengenalpasti dan berhubung dengan orang awam yang memiliki koleksi arkib hasil daripada program ini, beberapa koleksi telah diperolehi iaitu Sazali bin Tan Sri P Ramlee, Allahyarham Datuk Jamil Sulong, Allahyarham Latiff Borgiba, S.T. Bala (Pengarah dan Penerbit) dan Tuan Mokhtar bin Dato' Tuan Abdul Malik (anak pengarah filem, S. Sudarmaji).

Di bawah ialah jadual pencapaian pada tahun 2017

Bil	Aktiviti	Pencapaian
1.	Memperoleh, merekod, dan melengkapkan dokumentasi bahan bahan khazanah.	24.6 jam
2.	Pendokumentasian aktiviti kedalam sistem E-lab dan Omeka.	4500 can

PEROLEHAN KOLEKSI FILEM PERJANJIAN SYAITAN



PEROLEHAN KOLEKSI FILEM PERJANJIAN SYAITAN

## UNIT RESTORASI ANALOG

### FUNGSI

Unit ini berperanan dalam memelihara dan memulihara koleksi audio visual berbentuk filem secara restorasi fizikal agar kualiti bahan sentiasa berada dalam keadaan terbaik dan sentiasa boleh diakses.



### AKTIVITI

- Melaksanakan pemeriksaan, mengenal pasti kecacatan dan kerosakan fizikal koleksi audio visual.
- Melaksanakan triage dan menentukan kaedah pemuliharaan yang terbaik.
- Melaksanakan semakan berkala keatas koleksi audio visual.



### KEY PERFORMANCE INDICATOR

- 2533 can filem telah disemak secara berkala dan ujian saringan dilaksanakan untuk mengenalpasti kerosakan fizikal serta kemerosotan (deterioration) bahan tersebut.
- 56 can filem telah dibaikpulih sepanjang tahun 2017.

## UNIT RESTORASI DIGITAL

Unit ini merupakan salah satu pemicu penting dalam memelihara dan memulihara koleksi audio visual dengan mentransformasikan bahan audio visual kepada format digital supaya kualiti bahan berada dalam keadaan terbaik serta dapat diakses dan digunakan untuk generasi akan datang. Justeru, unit ini bertanggungjawab dalam menerima dan memproses koleksi audio visual bagi pemuliharaan digital seperti melakukan proses cucian ultrasonic untuk mengurangkan habuk dan kotoran pada filem sebelum melalui proses alihan digital dengan menggunakan mesin 'Scannity'.

Seterusnya, kerja-kerja semakan kualiti koleksi pemuliharaan digital dilakukan untuk membuang segala kekotoran dan 'noise/grain' dengan menggunakan perisian 'Diamant'. Manakala, perisian 'DaVinci Resolve' pula digunakan untuk kerja-kerja restorasi dan larasan warna pada bahan koleksi yang telah dialih kepada digital. Di samping itu juga, sejumlah 670 tajuk bahan visual telah dikemaskini metadata menggunakan 'Diva Director System'.

### CUCIAN ULTRASONIK



### PROSES LARASAN WARNA

#### SCANNING



#### PENCAPAIAN




'Cleaning'/Cucian Ultrasonik 172 can filem

Perisian 'Diamant' 28 jam 24 min 36 saat 10 frame

Perisian 'DaVinci Resolve'

18 jam 57 minit 3 saat



## UNIT MEDIATHEQUE

149

## MEDIATHEQUE

Mediatheque merupakan pusat maklumat yang memfokuskan 4 teras utama iaitu pembangunan prasarana koleksi ilmu, mempromosikan bahan koleksi dan perkhidmatan, penyediaan dan memperkayakan koleksi serta mendokumentasi dan menyediakan perkhidmatan rujukan bahan kandungan kreatif sebagai warisan / khazanah negara.

Bahan-bahan audio visual dalam pelbagai format yang disimpan dalam bilik kawalan ‘film vault’ adalah bernilai sejarah dan merupakan aset khazanah Negara. Sehingga Disember 2017, bahan audio visual bagi koleksi Dokumentari/Treler/Cerea adalah sebanyak 4,072 tajuk (1,203 jam), koleksi Liputan Arkib sebanyak 6,597 liputan (1,886 jam) dan koleksi bahan Pita Audio sebanyak 16,883 pita (8,441 jam). Koleksi audio visual yang telah dibuat alihan format digital boleh diakses dan pratonton melalui terminal yang disediakan diruang Mediatheque. Selain itu, perkhidmatan rujukan lain yang boleh didapati di Mediatheque adalah seperti koleksi buku, majalah, keratan akbar, laporan tahunan, gambar pegun, poster dan sebagainya.

Sepanjang tahun 2017 jua, pelbagai aktiviti dan program telah berjaya dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak. Dimaklumkan sejumlah 51 lawatan dan 29 program telah berjaya diadakan bagi mencapai matlamat mendekatkan masyarakat dengan koleksi khazanah audio visual negara. Hasil dari lawatan dan program yang telah diadakan ini, FINAS telah berjaya mengumpul sejumlah 12,139 pengunjung yang terdiri daripada penggiat industri, pelajar dan masyarakat. Melalui program yang telah diadakan, para pengunjung dapat lebih mengenali dengan lebih dekat FINAS sekaligus dapat menjadikan Mediatheque FINAS sebagai hub khazanah kandungan kreatif negara. Melalui projek COE, FINAS telah berjaya menambahbaik 2 unit film vault sedia ada, mengikut piawaian antarabangsa. Ini sekaligus membolehkan FINAS memelihara khazanah kandungan kreatif negara agar kekal dan ianya boleh dijadikan sumber rujukan di masa hadapan. Pembangunan prasarana untuk kemudahan dan keselesaan pengguna juga telah dilaksanakan seperti bilik prebiu bahan koleksi, terminal pencarian bahan koleksi, sudut interaktif, perkhidmatan dalam talian (online), kemudahan internet berkelajuan tinggi (100 Mbps) dan perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk memberikan pengalaman yang berbeza kepada pengunjung.

## MUSEUM OF MOVING IMAGE (MOMI)

MOMI pula merupakan muzium imej bergerak pertama di rantau Asia Tenggara, yang didekasikan khas kepada pameran dan pembelajaran industri profileman tempatan. Muzium ataupun galeri industri profileman menjadi platform bagi pameran bahan sedia ada untuk masyarakat memahami tentang industri profileman. MOMI juga menyediakan lawatan berpandu kepada pengunjung untuk menyaksikan proses produksi, pasca produksi dan restorasi bahan kandungan digital bagi memupuk minat masyarakat umum melalui pengetahuan dan pemahaman bagi proses penerbitan, pemuliharaan dan pemeliharaan khazanah kandungan kreatif negara. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 12,139 pengunjung telah melawat muzium profileman ini.



Koleksi Bahan Poster Dan Majalah Mediatheque.



Koleksi Bahan Gambar Pegun  
Mediatheque.



Koleksi Bahan Gambar Pegun  
Mediatheque :  
Tun Abdul Razak Di Tanah Suci.



Lawatan Sinergi Ilmu Pelajar dan Guru  
French School of Kuala Lumpur Henri  
Fauconnier.



Lawatan Sinergi Ilmu Pelajar dan  
Pensyarah dari Inti College dan Kolej  
Teknologi MEA.



Lawatan Persatuan Ketua-Ketua  
Kampung Parlimen Tanjung Malim,  
Perak.



Lawatan Sinergi Ilmu Pelajar dan  
Pensyarah dari Politeknik Seberang  
Perai, Pulau Pinang.



Lawatan Sinergi Ilmu Universitas Budi  
Luhur Jakarta, Universitas Sriwijaya  
Palembang dan Universitas Islam Negeri  
Malang, Indonesia.



Lawatan Sinergi Ilmu Pelajar Guizhou  
Polytechnic of Construction, China  
dan Pelajar Fakulti Pengurusan  
Maklumat, Universiti Teknologi Mara  
(UiTM), Puncak Perdana.



Pameran Bersempena Program Caring  
Bridge Di PPR Sri Johor, Cheras,  
Kuala Lumpur.



Pameran Bersempena Program  
Mymerdeka@60 Di Mydin Gong Badak,  
Kuala Terengganu.



Pameran Bersempena Program  
Ekspresi Negaraku di Sandakan,  
Sabah.



Pameran Bersempena Program Ekspresi  
Negaraku di Pasir Puteh, Kelantan.

## SENARAI PENGLIBATAN MEDIATHEQUE & MOMI DALAM PROGRAM / AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2017

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH
1.	Lawatan Dari Pelajar <i>French School of Kuala Lumpur Henri Fauconnier</i> .	17 Januari 2017
2.	Lawatan Dari Pelajar <i>Inti International University &amp; Colleges</i> .	18 Januari 2017
3.	Lawatan Dari Pelajar Kolej Teknologi MEA, Kajang, Selangor.	18 Januari 2017
4.	Lawatan Dari Pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.	13 Februari 2017
5.	Lawatan Persatuan Ketua-Ketua Kampung Tanjung Malim, Perak.	14 Februari 2017
6.	Lawatan Delegasi Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) Parlimen Tanjung Malim, Perak.	23 Februari 2017
7.	Lawatan Dari Pelajar SM Teknik Terengganu.	24 Februari 2017
8.	Lawatan Dari Pelajar UiTM Segamat, Johor.	24 Februari 2017
9.	Program Inisiatif Negaraku Di Taman Tasik Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang.	23 – 26 Februari 2017
10.	Lawatan Dari Pelajar <i>Faculty Of Creative Art &amp; Design, SEGI College Subang Jaya, Selangor</i> .	28 Februari 2017
11.	Lawatan Dari Pelajar <i>United International Technology Management College</i> .	2 Mac 2017
12.	Lawatan Dari Pelajar Politeknik Brunei.	7 Mac 2017
13.	Lawatan Dari Pelajar IIUM, Gombak, Selangor.	10 Mac 2017
14.	Lawatan dari Pelajar Politeknik Sultan Mizan, Kuala Terengganu, Terengganu.	15 Mac 2017
15.	Lawatan dari Pegawai Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak.	23 Mac 2017
16.	Lawatan Delegasi dari Jepun.	24 Mac 2017
17.	Lawatan dari Pelajar Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS), Tanjung Malim, Perak.	30 Mac 2017
18.	Lawatan Kelab Pencinta Filem Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah.	31 Mac 2017
19.	Program Menghubung dan Menyatu (NBOS) di Pondok Tanjong dan CTC Bukit Merah, Perak.	1 – 2 April 2017
20.	Program Ekspresi Negaraku di Perkarangan Amanjaya, Sg. Petani, Kedah.	8 April 2017
21.	Lawatan dari Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.	13 April 2017
22.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Segamat, Johor.	13 April 2017
23.	Program Ekspresi Negaraku di Dataran Pavillion, Kuala Kangsar, Perak.	15 April 2017
24.	Lawatan dari Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.	18 April 2017
25.	Lawatan dari Pelajar UiTM Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor.	19 April 2017
26.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor.	21 April 2017
27.	Program Wayang Pacak di Jeli, Kelantan.	21 April 2017
28.	Program Wayang Pacak di Jeli, Kelantan.	22 April 2017
29.	Program Pendidikan dan Pencegahan di UPM, Serdang, Selangor.	3 Mei 2017
30.	Program ASEAN Film Festival & Awards (AIFFA) di Kuching, Sarawak.	4-6 Mei 2017
31.	Program Ekspresi Negaraku di Sandakan,Sabah.	7 Mei 2017
	Program Ekspresi Negaraku di Pasir Puteh, Kelantan.	
32.	Program Negaraku: Komuniti 1Malaysia Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya 2017.	13 Mei 2017
33.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana.	16 Mei 2017
34.	Program Negaraku: Kreativiti@Komuniti di IKBN, Kuala Langat, Banting, Selangor.	19-21 Mei 2017
35.	Lawatan dari Kelab Anak Perantauan Rompin (KELAR).	21 Mei 2017
36.	Program Karnival Inovasi Digital (KID) di Fakulti Sains & Teknologi Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).	24 Mei 2017
37.	Majlis Pra Tonton Filem "Hijabsta Ballet".	25 Mei 2017
38.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana.	5 Jun 2017
39.	Lawatan dari Delegasi <i>Ministry of Information Bangladesh</i> .	9 Jun 2017
40.	Lawatan dari Rombongan Anak-Anak Yatim Sabah.	16 Jun 2017
41.	Program Karnival Negaraku Sehati Sejiwa 2017 di Felda Tun Ghaffar, Hutan Percha, Melaka.	15 – 16 Julai 2017
42.	Lawatan Tapak Tender Film Vault.	17 Julai 2017

BIL	PROGRAM / AKTIVITI	TARIKH
43.	Lawatan dari UKM Bangi, Selangor - PELAJAR DARI INDONESIA.	26 Julai 2017
44.	Program MyMerdeka@60 di Mydin Subang Jaya.	20 – 30 Julai 2017
45.	Perbincangan Pameran Jalan Merdeka, Carcosa Seri Negara.	31 Julai 2017
46.	Lawatan Delegasi Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).	4 Ogos 2017
47.	Pameran Caring Bridge Sempena Program Pelancaran Negaraku Sehati 2017 di Stadium Batu Pahat, Johor.	7 – 8 Ogos 2017
48.	Program MyMerdeka@60 di Mydin Bukit Mertajam, Pulau Pinang.	11 – 13 Ogos 2017
49.	Lawatan Sinergi Industri Tourism Malaysia-FINAS.	14 Ogos 2017
50.	Lawatan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dengkil, Selangor.	15 Ogos 2017
51.	Sesi Perbincangan Tribute Bujang Lapok@60.	17 Ogos 2017
52.	Program MyMerdeka@60 di Mydin Gong Badak, Terengganu.	17 – 19 Ogos 2017
53.	Program Karnival Sukan SEA di Empire City, Damansara.	19 – 30 Ogos 2017
54.	Program MyMerdeka@60 di Mydin Mall MITC, Ayer Keroh, Melaka.	8 – 10 September 2017
55.	Hari Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) Peringkat Kebangsaan di Kundasang, Sabah.	8 – 10 September 2017
56.	Program Imbas Kembali & Layar Bintang Allahyarham Tan Sri Jins Shamsuddin di FINAS Hulu Kelang.	14 September 2017
57.	Connect Asia Symposium & Networking Program di Studio Sound Stage, FINAS.	14 – 15 September 2017
58.	Program MINDA & Majlis Pelancaran Hari Malaysia 2017 di Kompleks Sukan Likas, Sabah.	15 – 17 September 2017
59.	Program MyMerdeka@60 di Mydin Mall, Meru, Ipoh, Perak.	15 – 17 September 2017
60.	International ASC Masterclass FINAS Dengan Kerjasama ASC & MySC di Studio Sound Stage, FINAS Ulu Kelang Sempena FFM29.	17 – 23 September 2017
61.	Pameran Sempena Festival Filem Malaysia Ke 29 di Dewan Merdeka PWTC, Kuala Lumpur.	21 – 24 September 2017
62.	Lawatan Sambil Belajar SK Bukit Sawa, Marang, Terengganu.	6 Oktober 2017
63.	Lawatan Sambil Belajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Rembau, Negeri Sembilan.	10 Oktober 2017
64.	Lawatan Sambil Belajar Melaka International College of Science and Technology (MiCoST), Ayer Keroh, Melaka.	19 Oktober 2017
65.	Pameran P. Ramlee – PIFFA 2017 di PWTC, Kuala Lumpur.	3-6 November 2017
66.	Lawatan Sambil Belajar Kolej Vokasional Lebuh Cator, Ipoh, Perak.	8 November 2017
67.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor (2 Kumpulan).	9 November 2017
68.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor.	10 November 2017
69.	Lawatan Jawatan Kuasa Tindakan Daerah Muallim, Perak.	14 November 2017
70.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor.	14 November 2017
71.	Lawatan Sambil Belajar SMK (L) Bukit Bintang, Petaling Jaya, Selangor.	15 November 2017
72.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor.	15 November 2017
73.	Taklimat dan Lawatan Berpandu Bagi Penjawat Baharu FINAS.	16 November 2017
74.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor .	16 November 2017
75.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor (3 kumpulan).	20 November 2017
76.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor (2 kumpulan).	21 November 2017
77.	Lawatan Kajian Kursus Pelajar UiTM Puncak Perdana, Selangor.	22 November 2017
78.	Pameran Caring Bridge Sempena Program 1Malaysia Negaraku 2017 – Padang Bola Sepak, Perumahan Awam Sri Johor, Cheras, Kuala Lumpur.	25 – 26 November 2017
79.	Lawatan Sambil Belajar Pensyarah dan Pelajar UiTM Puncak Perdana, Fakulti Filem, Teater & Animasi (FiTA).	28 November 2017
80.	Lawatan Sambil Belajar Pensyarah dan Pelajar KLMU & Politeknik Guizhou, China.	5 Disember 2017
81.	Lawatan Sambil Belajar Pensyarah dan Pelajar UiTM Puncak Perdana.	5 Disember 2017
82.	Lawatan Komuniti Jalinan Mesra Bersama KRT Slim River, Perak.	13 Disember 2017
83.	Lawatan Pemantauan Projek RMK11.	28 Disember 2017





# PENYATA KEWANGAN FINAS 2017

155

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN  
FILEM NASIONAL MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat Bertentangan**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 18.

Pada pendapat saya, disebabkan oleh perkara yang signifikan seperti yang dinyatakan dalam perenggan Asas Kepada Pendapat Bertentangan, penyata kewangan ini tidak memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244).

**Asas Kepada Pendapat Bertentangan**

i. **Hartanah, Loji dan Peralatan – RM32,584,811**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan nilai harta tanah, loji dan peralatan pada penilaian semula seperti yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada tahun 2015 berjumlah RM19,283,296 menyebabkan aset telah terkurang nyata sebanyak amanah tersebut.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengakaunkan tanah dan bangunan secara berasingan melibatkan nilai buku bersih bangunan berjumlah RM696,847.

**i. Hartanah, Loji dan Peralatan – RM32,584,811 (sambungan)**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan pembelian tanah dan bangunan di Kuching, Sarawak bernilai RM1,400,000.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengakaunkan peralatan dan bangunan di *Mix Stage* Hulu Kelang secara berasingan melibatkan nilai buku bersih bangunan berjumlah RM18.15 juta.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengakaunkan elaun rosot nilai bagi aset di *Mix Stage* Hulu Kelang yang tidak digunakan sejak 1 Januari 2016.

**ii. Work in Progress – RM359,469**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengiktiraf kos pembangunan sistem kewangan berjumlah RM359,469 sebagai Aset Tidak Ketara sepertimana ketetapan Perenggan 18.4, MPERS Seksyen 18 Aset Tidak Ketara Selain Muhibah.

**iii. Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman – RM1,214,077**

Baki Pendahuluan dan Penghutang Pinjaman pada 31 Disember 2017 tidak dapat disahkan kerana Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengemukakan sebarang jadual sokongan bagi menjalankan kerja pengauditan.

**iv. Penghutang Sewaan – RM1,641,592**

Baki Penghutang Sewaan di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuran penghutang berjumlah RM958,134. Baki Penghutang Sewaan berjumlah RM468,032 tidak dikutip sejak tahun berakhir 31 Disember 2016.

**v. Penghutang Pelbagai – RM3,362,545**

Baki Penghutang Pelbagai di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuran penghutang berjumlah RM2,445,477. Baki Penghutang Sewaan berjumlah RM2,775,127 tidak dikutip sejak tahun berakhir 31 Disember 2016.

**vi. Rosot Nilai Penghutang**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengakaunkan elaun rosot nilai bagi penghutang sewaan dan penghutang pelbagai seperti ketetapan Perenggan 11.21, MPERS Seksyen 11 Instrumen Kewangan Asas.

**vii. Penyata Penyesuaian Bank – RM4,002,157**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak menyelaraskan transaksi belum disesuaikan lebih daripada tempoh enam (6) bulan berjumlah RM4,002,157.

viii. **Deposit Filem – RM18,450,900**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak melaksanakan tindakan melucut hak deposit filem berjumlah RM8,639,000 seperti keperluan Perenggan 10 (1), Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981.

ix. **Geran Tertunda dan Dana – RM95,217,340**

Baki Geran Tertunda dan Dana berjumlah RM95,217,340 tidak dapat disahkan ketepatannya kerana pelunasan geran dan dana bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM112,523,672 tidak mengambil kira pelunasan berjumlah RM95,008,435 melibatkan perbelanjaan tahun 2017.

x. **Pembiutang dan Akruan – RM50,964,124**

Baki Pembiutang dan Akruan di penyata kewangan berbeza dengan laporan pengumuman pembiutang berjumlah RM29,366,979. Sampel Pembiutang dan Akruan berjumlah RM23,108,061 tidak dibayar sejak tahun berakhir 31 Disember 2016.

xi. **Liabiliti yang Diiktiraf sebagai Pendapatan – RM2,941,223**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak merekodkan terimaan geran kerajaan bersyarat sebagai liabiliti berjumlah RM2,941,223 seperti ketetapan Perenggan 24.4, MPERS Seksyen 24 Geran Kerajaan sebaliknya telah merekodkan terimaan tersebut sebagai pendapatan.

xii. **Perbelanjaan Tidak Diakru – RM624,757**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mengakru sampel perbelanjaan tahun semasa berjumlah RM624,757 di dalam penyata kewangan.

xiii. **Perbelanjaan Cukai – RM751,962**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mempersembahkan perbelanjaan cukai berjumlah RM751,962 secara berasingan seperti ketetapan Perenggan 5.5, MPERS Seksyen 5 Penyata Pendapatan Komprehensif.

xiv. **Komitmen Modal – RM703,445**

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak mendedahkan sampel komitmen modal berjumlah RM703,445 seperti ketetapan Perenggan 32.10 dan 32.11, MPERS Seksyen 32 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat bertentangan saya.

### **Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Ahli Perbadanan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Ahli Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan**

Ahli Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 (Akta 244). Ahli Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalam yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Ahli Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Perbadanan.
